KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

LPPKN

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

# LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022



# LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Diterbitkan Oleh:

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA**
**BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEPENDUDUKAN DAN KELUARGA**
No.12B, Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut,
50712 Kuala Lumpur,
Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| Telefon | : | 03-2613 7555 |
| Laman Sesawang | : | https://www.lppkn.gov.my |
| Facebook | : | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| E-mel | : | penduduk@lppkn.gov.my |

Diterbitkan pada Mac 2025

Hak Cipta Terpelihara ©

Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan LPPKN
Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022
ISBN: 978-967-25501-7-4

# KANDUNGAN


1
**KATA PENGANTAR** vii

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat vii

Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat viii

Ketua Pengarah, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ix

2
**PENGHARGAAN** x

3
**KUMPULAN PENYELIDIK** xii

4
**RINGKASAN EKSEKUTIF** xiii

5
**PENDAHULUAN** 1

Latar Belakang 1

Konsep Keluarga 2

Kesejahteraan Keluarga 2

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Sepintas Lalu 3

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) 8

Kepentingan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) 8

Keterbatasan Kajian 9

6
**METODOLOGI** 9

Reka Bentuk Kajian 9

Rangka Pensampelan 9

Reka Bentuk Pensampelan 9

Saiz Sampel 9

Skop Kajian 10

Instrumen 10

Domain dan Indikator Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 11

Kebolehpercayaan Instrumen 15

Tempoh dan Kaedah Pengumpulan Data 15

Penganalisisan Data 15

7
**PENEMUAN KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022)** 16

Profil Responden 16

Skor Indeks, Domain & Indikator Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) 18

*Domain Hubungan Kekeluargaan* 19

*Domain Ekonomi Keluarga* 19

*Domain Kesihatan Keluarga* 19

*Domain Keselamatan Keluarga* 19

*Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti* 19

*Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian* 19

*Domain Perumahan dan Persekitaran* 19

# KANDUNGAN

*Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi* 19

*Skor Domain dan Indikator Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022)* 20

**Skor Indeks, Domain dan Indikator Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Ciri - Ciri Demografi** 21

*Skor Domain Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Strata* 21

*Skor Indikator Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Strata* 22

*Skor Domain Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Etnik* 23

*Skor Indikator Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Etnik* 24

*Skor Domain Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Pendapatan Isi Rumah* 25

*Skor Indikator Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Pendapatan Isi Rumah* 26

*Skor Domain Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK2022) Mengikut Jenis Keluarga* 27

*Skor Indikator Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Jenis Keluarga* 28

**Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) Mengikut Negeri** 29

*Johor* 29

*Kedah* 31

*Kelantan* 33

*Melaka* 35

*Negeri Sembilan* 37

*Pahang* 39

*Pulau Pinang* 41

*Perak* 43

*Perlis* 45

*Selangor* 47

*Terengganu* 49

*Sabah* 51

*Sarawak* 53

*Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* 55

*Wilayah Persekutuan Putrajaya* 57

*Wilayah Persekutuan Labuan* 59

**8**

**TREND INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA** 61

**Prestasi Indeks Kesejahteraan Keluarga Mengikut Domain** 62

**Prestasi Indeks Kesejahteraan Keluarga Mengikut Negeri** 67

# KANDUNGAN


## 9
**CABARAN KELUARGA** 69

Cabaran Utama Yang Dihadapi Oleh Keluarga 69

Nilai-Nilai Murni Yang Dirasakan Penting Dalam Kehidupan Berkeluarga 69

Pemahaman Tentang Kesejahteraan Keluarga 70

## 10
**PENEMUAN PENTING** 71

## 11
**CADANGAN MEMPERKUKUHKAN TAHAP KESEJAHTERAAN KELUARGA** 72

## 12
**RUJUKAN** 74

## 13
**LAMPIRAN** 75

# KATA PENGANTAR

## MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT




Keluarga merupakan sebuah institusi sangat penting dalam melahirkan generasi akan datang. Keluarga yang sejahtera dan harmoni dapat membentuk individu berkualiti dan generasi yang berketerampilan. Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh keluarga dan masyarakat berteraskan visi dan misi untuk menjadi peneraju utama dalam pembangunan dan kesejahteraan keluarga dan masyarakat selaras dengan agenda Malaysia MADANI.

KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memulakan usaha untuk mengukur dan memantau tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia sejak tahun 2011, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Inisiatif bagi pemantauan ini diteruskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu pada tahun 2016 dan 2019 serta pada tahun 2022 dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) yang diterbitkan ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan berterusan oleh pihak kerajaan. Skor IKK 2022 meningkat kepada 7.93 daripada skala maksimum 10.00 berbanding 7.55 pada tahun 2011. Peningkatan skor ini mencerminkan keberhasilan keluarga Malaysia dalam menangani pelbagai cabaran, terutamanya pasca pandemik COVID-19. Kejayaan ini turut didorong oleh pelaksanaan Dasar Keluarga Negara (DKN). Pelaksanaan IKK 2022 juga sejajar dengan keperluan pelaporan dalam RMKe-12 yang menjadikan skor IKK sebagai salah satu indikator penting bagi bidang fokus Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus: Memperkukuh Institusi Keluarga dengan sasaran skor 8.00 daripada skala maksimum 10.00.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada LPPKN dan KPWKM atas kejayaan melaksanakan Kajian IKK 2022. Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Diharapkan laporan ini akan menjadi rujukan kepada semua peringkat sama ada pembuat dasar, pelaksana dasar, para penyelidik dan masyarakat seluruhnya bagi meningkatkan kesejahteraan keluarga di Malaysia.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

*Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

# KATA PENGANTAR



## KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Keluarga adalah asas dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera. Kesejahteraan institusi keluarga merupakan elemen penting dalam pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, perspektif keluarga perlu sentiasa diutamakan agar institusi ini kekal sejahtera dan terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Kesejahteraan keluarga merangkumi pelbagai dimensi yang mempengaruhi keharmonian kehidupan sesebuah keluarga. Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) dapat menjadi suatu kayu ukur yang objektif dan saintifik bagi memantau tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Secara keseluruhan, skor IKK 2022 adalah 7.93 daripada skala maksimum 10.00.

Walaupun skor ini menunjukkan kesejahteraan keluarga Malaysia masih kekal pada tahap sederhana, namun ia semakin menghampiri tahap tinggi iaitu skor 8.00 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Peningkatan skor ini mencerminkan kejayaan keluarga Malaysia dalam mengharungi pelbagai cabaran dalam membentuk kesejahteraan keluarga masing-masing.

Diharapkan bahawa Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK 2022) ini dapat menjadi rujukan utama dan input berguna kepada semua pihak yang berkepentingan, khususnya dalam bidang kekeluargaan untuk memastikan masa depan institusi keluarga yang lebih kukuh, sejahtera dan mampan.

**DATUK DR. MAZIAH CHE YUSOFF**

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

# KATA PENGANTAR

## KETUA PENGARAH LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA



Bagi memperkukuhkan institusi keluarga, Malaysia memerlukan satu model komprehensif untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga. Justeru, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah membentuk jajaran baru penyelidikan kekeluargaan di Malaysia dengan memperkenalkan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) pada tahun 2011 untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga. Bagi meneruskan usaha pengukuran dan pemantauan tahap kesejahteraan keluarga, LPPKN melaksanakan siri keempat Kajian IKK pada tahun 2022 dan seterusnya menerbitkan Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022).

IKK 2022 menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga berada pada tahap sederhana dengan catatan skor 7.93 daripada skala maksimum 10.00. Skor IKK 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.21 mata atau 2.7 peratus berbanding IKK 2019. Peningkatan skor ini disumbangkan oleh lima domain yang merekodkan skor melebihi 8.00 iaitu (i) Domain Hubungan Kekeluargaan; (ii) Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian; (iii) Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti; (iv) Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi; dan (v) Domain Kesihatan Keluarga.

Siri keempat kajian ini turut mencadangkan 17 intervensi yang bersesuaian dalam usaha meningkatkan kesejahteraan keluarga di Malaysia. Adalah diharapkan laporan kajian ini dapat menjadi input dan rujukan penting kepada para pemegang taruh dalam merangka pelan pembangunan dan program intervensi sosial yang berteraskan kekeluargaan bertepatan dengan salah satu bidang fokus utama Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus: Memperkukuh Institusi Keluarga.

**TUAN HAJI ABDUL SHUKUR ABDULLAH**

Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

# PENGHARGAAN

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian, agensi serta jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022).

## JAWATANKUASA TEKNIKAL KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022)

### KEMENTERIAN

Kementerian Ekonomi

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Kementerian Kesihatan Malaysia

Kementerian Dalam Negeri

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Komunikasi

### JABATAN

Jabatan Perangkaan Malaysia

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

### UNIVERSITI / INSTITUT

Universiti Malaya

Universiti Teknologi MARA

Institut Sosial Malaysia

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

### BADAN BUKAN KERAJAAN

*Focus on the Family*

Pertubuhan IKRAM Malaysia

### LPPKN

Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga

Bahagian Kesejahteraan Keluarga

Bahagian Perancangan Strategik

Bahagian Reproduksi Manusia

# JAWATANKUASA KERJA KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022)

## PENGERUSI

**En. Hairil Fadzly Md. Akir**
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LPPKN

## AHLI

**Prof. Dr. Tey Nai Peng**
Universiti Malaya

**Dr. Zainah Shariff**
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

**Dr. Ahmad Nazim Aimran**
Universiti Teknologi MARA

**Bahagian Perancangan Strategik, LPPKN**

**Bahagian Kesejahteraan Keluarga, LPPKN**

**Bahagian Reproduksi Manusia, LPPKN**

**UKM Pakarunding Sdn. Bhd.**

## URUS SETIA

**Unit Penyelidikan dan Pembangunan**
**Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga**
**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara**

# KUMPULAN PENYELIDIK

## PENASIHAT

**Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah**
Ketua Pengarah LPPKN

**En. Hairil Fadzly Md. Akir**
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), LPPKN

**Dr. Mohd Azizuddin Mohd Yussof**
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), LPPKN

## KETUA PROJEK

**En. Adzmel Mahmud**
Pengarah
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga LPPKN

## KUMPULAN PENYELIDIK

Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, LPPKN

- En. Irwan Nadzif Mahpul
- Pn. Noor Azlin Muhammad Sapri
- Pn. Nur Airena Aireen Azman
- Pn. Massita Mohamad
- Cik Rosdiana Abdul Hamid
- En. Khairul Faqri Kamalul Razib

UKM Pakarunding

- Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi Ishak
- Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail
- Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
- Dr. Azizah Sarkowi
- Dr. Noraihan Mohamad
- Tn. Hj. Ahmad Zul Hakimi Hassim

## PENYEDIA LAPORAN

- En. Adzmel Mahmud
- En. Noor Azlin Muhammad Sapri
- En. Irwan Nadzif Mahpul
- Pn. Nur Airena Aireen Azman
- En. Ismahalil Ishak
- Pn. Massita Mohamad
- En. Ahmad Rasyidee Abdul Razak
- Cik Rosdiana Abdul Hamid
- En. Khairul Faqri Kamalul Razib
- Pn. Umie Nabihah Mustafar

## SEKRETARIAT KAJIAN

Unit Penyelidikan dan Pembangunan
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam usaha memperkukuh institusi keluarga di Malaysia, satu model komprehensif untuk mengukur kesejahteraan keluarga adalah diperlukan. Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengorak langkah dengan membentuk jajaran baru dalam penyelidikan kekeluargaan di negara ini dengan membangunkan instrumen bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia melalui pelaksanaan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) bermula pada tahun 2011. Pembangunan IKK adalah sangat penting memandangkan tiada suatu pengukuran terdahulu dibangunkan untuk menggambarkan keadaan kesejahteraan keluarga di negara ini. IKK merupakan kaedah penilaian subjektif dalam pelbagai dimensi yang mengukur kesejahteraan keluarga melalui penilaian perspektif ibu atau bapa.

Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) merupakan penerbitan siri keempat yang memberi gambaran mengenai tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. IKK 2022 adalah salah satu daripada projek kajian utama LPPKN, suatu usaha bercita-cita tinggi dengan tujuan untuk mempromosikan penyelidikan mengenai isu berkaitan kekeluargaan untuk berkongsi penemuan kajian dalam komuniti saintifik dan menawarkan cadangan dasar dan intervensi berasaskan bukti kepada semua peringkat sama ada pembuat dasar, pelaksana dasar, pelaksana program, para penyelidik dan masyarakat untuk memperkukuhkan institusi keluarga. Kesejahteraan keluarga adalah sebuah konsep yang merangkumi pelbagai dimensi yang mempengaruhi kesentosaan dan keharmonian kehidupan sesebuah keluarga. Ia melibatkan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang berkait dalam institusi keluarga. Faktor dalaman merangkumi hubungan keluarga, kesihatan keluarga dan peranan agama dalam sesebuah keluarga. Manakala faktor luaran melibatkan pengaruh masyarakat, komuniti dan pengaruh teknologi terhadap sebuah keluarga.

Siri keempat Kajian IKK 2022 yang dilaksanakan di seluruh Malaysia merupakan kajian berskala besar dan bersifat nasional *(nationally representative)*. Bagi menjalankan Kajian IKK 2022 ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah memberikan bantuan dan khidmat teknikal dari segi reka bentuk kaedah pensampelan dan pemilihan sampel. Sebanyak 8,460 tempat kediaman telah dipilih dalam kajian ini. Responden kajian terdiri daripada ibu atau bapa warganegara Malaysia yang mempunyai anak berumur antara 3 hingga 24 tahun. Pengumpulan data kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual bersemuka dan borang soal selidik. Tempoh pelaksanaan kerja lapangan kajian mengambil masa selama 5 bulan iaitu dari 20 Disember 2022 sehingga 30 Mei 2023.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian IKK 2022 mengekalkan lapan domain seperti mana kajian siri kedua dan ketiga di samping menambah baik indikator dan item berdasarkan keperluan dan isu semasa kekeluargaan. Instrumen IKK 2022 mengandungi 184 soalan yang terbahagi kepada tiga komponen iaitu latar belakang diri dan keluarga, hubungan keluarga dan cabaran yang dihadapi serta lapan domain kesejahteraan keluarga. Lapan domain tersebut merangkumi (i) Hubungan Kekeluargaan; (ii) Ekonomi Keluarga; (iii) Kesihatan Keluarga; (iv) Keselamatan Keluarga; (v) Keluarga dan Keterlibatan Komuniti; (vi) Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian; (vii) Perumahan dan Persekitaran; dan (viii) Keluarga dan Teknologi Komunikasi.

Daripada 8,460 tempat kediaman yang telah dilawati, seramai 5,236 responden berjaya ditemu bual iaitu 2,784 (53.2%) bapa dan 2,452 (46.8%) ibu. Majoriti responden adalah berumur 40 hingga 49 tahun, Melayu, masih berkahwin, berpendidikan menengah dan menetap di kawasan bandar. Lebih dua pertiga (68.9%) responden adalah golongan B40 dengan pendapatan keluarga kurang daripada RM4,850.00. Dari segi pembentukan keluarga pula, tiga perempat (75.3%) responden merupakan isi rumah keluarga asas di mana bapa, ibu dan anak-anak tinggal bersama.



# TAHAP KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA SEMAKIN MENINGKAT

Kajian IKK 2022 yang mengukur kesejahteraan keluarga di Malaysia telah mengekalkan lapan domain dengan mengguna pakai semula instrumen yang terdapat dalam IKK 2019. Skor IKK dikategorikan kepada rendah (0.00 – 4.99), sederhana (5.00 – 7.99) dan tinggi (8.00 – 10.00). Kajian IKK 2022 menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga berada pada tahap sederhana dengan catatan skor 7.93, iaitu peningkatan sebanyak 0.21 mata berbanding skor IKK 2019.

Walaupun skor IKK 2022 masih menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga berada pada tahap sederhana, namun skor tersebut semakin menghampiri tahap tinggi iaitu skor 8.00. Peningkatan skor IKK 2022 berbanding skor IKK terdahulu menunjukkan refleksi kejayaan keluarga di Malaysia yang berjaya mengharungi pelbagai cabaran dalam membentuk kesejahteraan keluarga masing-masing.




Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Mengikut Tahun Pelaksanaan

# 5 DOMAIN MEREKODKAN SKOR MELEBIHI 8.00 DENGAN DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN MENCATAT SKOR TERTINGGI

Peningkatan skor IKK 2022 disumbangkan oleh lima domain yang berada pada tahap tinggi dengan catatan skor melebihi 8.00 iaitu Hubungan Kekeluargaan (8.44); Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.37); Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.24); Keluarga dan Teknologi Komunikasi (8.18); dan Kesihatan Keluarga (8.07). Manakala domain yang mencatatkan skor di bawah 8.00 adalah Keselamatan Keluarga (7.69); Perumahan dan Persekitaran (7.55); dan Ekonomi Keluarga (6.90). Penelitian seterusnya mendapati Domain Ekonomi Keluarga merekodkan skor paling rendah berbanding skor domain yang lain.



# RESPONDEN IBU, MELAYU, MENETAP DI BANDAR, BERPENDIDIKAN DAN BERPENDAPATAN TINGGI, BERKAHWIN DAN ISI RUMAH KELUARGA LUAS MENCATAT SKOR YANG LEBIH BAIK

Responden perempuan/ibu mencatat skor lebih tinggi iaitu 7.95 berbanding lelaki/bapa dengan skor 7.91. Manakala mengikut kumpulan etnik pula, responden Melayu mencatatkan skor tertinggi iaitu 7.97. Ini diikuti oleh etnik Cina (7.95), Bumiputera Lain (7.89) dan India (7.80). Skor mengikut tempat tinggal iaitu bandar dan luar bandar masing-masing mencatat skor 7.95 dan 7.90. Dari segi tahap pendidikan, mereka yang berpendidikan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) mencatat skor paling tinggi iaitu 8.37, diikuti Sarjana (8.14) dan Ijazah Sarjana Muda (8.08).

Tahap kesejahteraan keluarga juga berkait rapat dengan tingkat kumpulan pendapatan sesebuah isi rumah. Responden dengan pendapatan isi rumah bulanan RM10,971 dan ke atas mencatat skor tertinggi iaitu 8.24. Ini diikuti oleh responden berpendapatan isi rumah bulanan antara RM4,851 hingga RM10,970 (8.06) dan responden kumpulan pendapatan RM4,850 dan ke bawah (7.87). Dari segi status perkahwinan, skor tertinggi dicatatkan oleh responden berkahwin iaitu 7.94, diikuti oleh duda/balu (7.93) dan bercerai/berpisah (7.62). Sementara itu, dari segi karakteristik jenis keluarga, responden keluarga luas mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.00, diikuti keluarga asas (7.93) dan keluarga ibu/bapa tunggal (7.83).

## 6 NEGERI MEREKODKAN SKOR MELEBIHI 8.00 DENGAN NEGERI PERAK MENCATAT SKOR PALING TINGGI



# CADANGAN UNTUK MEMPERKUKUH TAHAP KESEJAHTERAAN KELUARGA DI MALAYSIA

| DOMAIN | CADANGAN MEMPERKUKUHKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA |
|---|---|
| HUBUNGAN KEKELUARGAAN | • Membudayakan kesedaran keseimbangan keluarga dan kerjaya<br>• Memperkasakan inisiatif amalan baik mesra-keluarga di tempat kerja<br>• Memperluaskan khidmat sokongan keluarga yang mengalami tekanan atau krisis bagi mewujudkan keluarga yang lebih berdaya tahan<br>• Memperluaskan pengetahuan kemahiran keibubapaan |
| EKONOMI KELUARGA | • Meningkatkan pendapatan sekunder keluarga dan pendapatan pasif<br>• Meningkatkan kesedaran mengenai pengurusan kewangan yang sejahtera<br>• Meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh melalui pengembangan *care industry* |
| KESIHATAN KELUARGA | • Memperkukuh kesedaran kesihatan<br>• Menyuburkan gaya hidup aktif dan sihat secara bersama keluarga bagi menyokong inisiatif Madani Afiat |
| KESELAMATAN KELUARGA | • Meningkatkan pengetahuan kecemasan keluarga dalam kalangan masyarakat bandar dan luar bandar<br>• Memperkukuhkan pemahaman mengenai keselamatan keluarga |
| KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI | • Meningkatkan kecaknaan penglibatan dan kesedaran keluarga terhadap komuniti |
| KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN | • Memperkasakan kerjasama strategik ke arah kesejahteraan keluarga<br>• Memperkasa penerapan nilai-nilai murni dan amalan kerohanian keluarga melalui perspektif agama masing-masing |
| PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN | • Meningkatkan celik peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam kalangan keluarga<br>• Memperluaskan kempen penjagaan pencemaran alam |
| KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI | • Meningkatkan literasi digital dalam kalangan ibu bapa |

# PENDAHULUAN

## LATAR BELAKANG

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. LPPKN membangunkan instrumen bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga dengan melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) bermula pada tahun 2011 memandangkan tiada satu pengukuran dibangunkan untuk menggambarkan keadaan kesejahteraan keluarga di negara ini (LPPKN, 2013). Sejak itu, beberapa siri Kajian IKK telah dilaksanakan dan skor IKK telah menjadi penanda aras kepada penentuan tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. IKK juga telah dijadikan sebagai input penting dalam dokumen kerajaan seperti Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) serta menjadi sumber rujukan kepada pembentukan dasar dan pembangunan program dan aktiviti untuk memperkukuh institusi kekeluargaan di negara ini.

Pandemik COVID-19 memberi impak yang sangat besar kepada kesejahteraan kehidupan setiap individu di seluruh dunia dan tidak terkecuali rakyat Malaysia. Kemunculan wabak yang melanda ini secara tidak langsung telah menimbulkan pelbagai isu yang melibatkan kesihatan, ekonomi, sosial, pendidikan, keselamatan dan banyak lagi (Sahrani et al., 2023). Implikasi daripada kemunculan wabak ini memberi kesan kepada individu termasuk keluarga yang menyebabkan kesejahteraan keluarga terjejas dengan hampir kesemua urusan yang menjadi amalan normal menjadi berbeza berbanding sebelumnya. Kajian oleh UNICEF (2024) mendapati walaupun pandemik sudah berlalu, timbul isu dan cabaran baharu kepada keluarga seperti kenaikan kos sara hidup, kos pendidikan semakin mahal dan tekanan mental yang dialami oleh keluarga dan masyarakat semakin bertambah.

Institusi keluarga perlu diperkukuhkan dan tahap kesejahteraan keluarga perlu dipantau dari semasa ke semasa. Menyedari hakikat ini, LPPKN terus komited dalam memantau tahap kesejahteraan keluarga dengan melaksanakan siri keempat Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022). Pelaksanaan IKK 2022 adalah sejajar dengan keperluan pelaporan RMKe-12 yang menjadikan skor IKK sebagai salah satu indikator penting bagi bidang fokus Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus: Memperkukuh Institusi Keluarga dengan sasaran skor 8.00 daripada skala maksimum 10.00. Selain itu, indeks ini juga sejajar dengan keperluan pelaporan dalam salah satu daripada agenda global iaitu Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Baik Ke Arah Kehidupan Sihat dan Menggalakkan Kesejahteraan untuk Semua Peringkat Umur.

# KONSEP KELUARGA

Menurut LPPKN (2013), keluarga adalah unit terkecil dari masyarakat yang terdiri daripada ketua keluarga dan sejumlah orang yang tinggal bersama di suatu tempat di bawah satu bumbung yang dihubungkan antara satu sama lain berdasarkan hubungan darah, perkahwinan atau pengangkatan. Namun pada masa kini, tuntutan pekerjaan dan pendidikan menyebabkan sebilangan ahli keluarga tidak tinggal bersama. Justeru, keluarga tidak boleh dibatasi oleh kerangka tempat tinggal atau tinggal di bawah satu atap. Ini kerana terdapat suami atau isteri mungkin tidak tinggal bersama kerana bekerja di tempat yang jauh. Manakala, anak-anak pula tinggal di asrama kerana belajar atau bekerja di tempat lain. Meskipun suami, isteri atau anak tidak tinggal di dalam rumah yang sama, tanggungjawab dan haknya terhadap satu sama lain tidak akan terlepas. Sebuah keluarga mengandungi suami atau bapa, isteri atau ibu dan anak atau anak-anak. Ahli berkenaan mestilah melaksanakan peranan sosial masing-masing sesuai dengan kedudukan sosial mereka. Dalam konteks struktur, keluarga asas terdiri daripada pasangan suami isteri dan anak yang belum berkahwin termasuk anak angkat. Manakala keluarga luas terdiri daripada datuk, nenek, menantu, cucu, ibu dan bapa saudara, sepupu dan lain-lain. Selain itu, terdapat pelbagai lagi bentuk keluarga yang terdapat dalam sesebuah masyarakat seperti keluarga induk tunggal, keluarga tanpa anak, keluarga gabungan, keluarga jagaan datuk dan/atau nenek dan keluarga tidak konvensional (Mwangi, 2021), termasuk keluarga komuter dan keluarga *sandwich* (LPPKN, 2013). Kepelbagaian pembentukan keluarga ini memperlihatkan suatu fenomena baharu yang mampu mempengaruhi tahap kesejahteraan keluarga.

# KESEJAHTERAAN KELUARGA

Seperti siri Kajian IKK yang lepas, IKK 2022 menggunakan definisi yang sama dalam mendefinisikan kesejahteraan keluarga. Menurut LPPKN (2020), kesejahteraan keluarga didefinisikan sebagai keadaan keluarga berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan. Definisi ini juga menekankan aspek kepuasan dan keselesaan daripada segi kerohanian, ekonomi dan kewangan, mental, psikososial, kesihatan, politik dan kelestarian. Kesejahteraan keluarga juga bergantung kepada atau berkait rapat dengan hak, tanggungjawab, rasa hormat dan martabat seseorang dalam sebuah keluarga. Daripada definisi ini, dapat dilihat bahawa kesejahteraan keluarga adalah sebuah konsep pelbagai dimensi yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan yang mempengaruhi kesentosaan dan keharmonian kehidupan sesebuah keluarga. Ia melibatkan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang saling berkaitan dalam institusi keluarga. Faktor dalaman berkaitan dengan hubungan keluarga, kesihatan keluarga dan peranan agama dalam sebuah keluarga. Manakala faktor luaran melibatkan pengaruh masyarakat, komuniti dan pengaruh teknologi terhadap sebuah keluarga. Umumnya, kesejahteraan keluarga dilihat bukan hanya terkait dengan faktor dalaman keluarga semata-mata malahan interaksi keluarga dengan keadaan persekitaran sekeliling juga wajar diambil kira (LPPKN, 2020).

# INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA (IKK) SEPINTAS LALU

Bagi memperkukuh institusi keluarga, Malaysia memerlukan satu model komprehensif untuk menggambarkan tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengorak langkah dengan membentuk jajaran baru dalam penyelidikan kekeluargaan di negara ini dengan membangunkan instrumen bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga dengan menjalankan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) bermula pada tahun 2011 di Malaysia. Tujuan utama Kajian IKK 2011 adalah untuk mengukur sejauh manakah tahap kesejahteraan keluarga dari perspektif pelbagai dimensi dan seterusnya memantau keadaan kesejahteraan keluarga dari semasa ke semasa serta mencadangkan polisi dan program intervensi yang bersesuaian bagi mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan di negara ini (LPPKN, 2013). Usaha membangun dan mengukur Indeks Kesejahteraan Keluarga disokong oleh Noor et al. (2014) yang menyatakan bahawa masih belum ada satu pengukuran khusus dibangunkan untuk mengukur tahap keadaan kesejahteraan keluarga di Malaysia.

Kajian IKK 2011 merupakan kaedah penilaian subjektif dalam pelbagai dimensi yang mengukur kesejahteraan keluarga melalui penilaian perspektif ibu atau bapa (LPPKN, 2013). Kajian ini adalah berasaskan pendekatan kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas. Kajian ini menggunakan reka bentuk pensampelan rawak berstrata dua peringkat bagi memilih ciri-ciri sampel dalam nisbah yang selari dengan taburan mengikut strata iaitu bandar dan luar bandar dan kumpulan etnik bagi penduduk setiap negeri. Kajian ini melibatkan temu bual bersemuka menggunakan borang soal selidik bersama responden yang memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu ibu atau bapa warganegara Malaysia yang mempunyai anak berumur 13 hingga 24 tahun. Jumlah responden yang terlibat dalam IKK 2011 adalah sebanyak 5,616 orang.





Berdasarkan tinjauan literatur, perbincangan berfokus dan kajian rintis, konsep kesejahteraan keluarga merupakan kaedah penilaian berbentuk subjektif dalam pelbagai dimensi yang mengukur kesejahteraan keluarga melalui perspektif ibu atau bapa berdasarkan tujuh domain iaitu (i) Hubungan Kekeluargaan; (ii) Ekonomi Keluarga; (iii) Kesihatan Keluarga; (iv) Keselamatan Keluarga; (v) Keluarga dan Komuniti; (vi) Keluarga dan Agama/Kerohanian; dan (vii) Perumahan dan Persekitaran. Pengukuran IKK 2011 adalah menggunakan tujuh domain utama tersebut dengan 23 indikator dan 74 item. IKK menggunakan skor 10 sebagai skala maksimum di mana semakin tinggi nilai skor yang diperoleh, menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga yang lebih baik. Skor IKK dikategorikan kepada rendah (0.00 – 4.99), sederhana (5.00 – 7.99) dan tinggi (8.00 – 10.00). Siri pertama Kajian IKK yang dijalankan pada tahun 2011 mencatatkan skor indeks 7.55 daripada skala maksimum 10.00.  Nilai skor indeks menunjukkan bahawa kesejahteraan keluarga berada pada tahap sederhana. Domain Keluarga dan Agama/Kerohanian mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.25 dan dikategorikan pada tahap tinggi. IKK 2011 menjadi salah satu Indikator Petunjuk Prestasi Keberhasilan Nasional dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), di bawah Teras Strategik Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Masyarakat yang Saksama, dengan sasaran mencapai skor 8.00 menjelang tahun 2020.




Pada tahun 2016, LPPKN (2017) melaksanakan siri kedua IKK bagi meneruskan pengukuran dan pemantauan tahap kesejahteraan keluarga di negara ini. Instrumen yang telah digunakan dalam IKK 2011 telah disemak dan dinilai semula bagi memastikan domain dan indikator adalah relevan dengan keadaan dan cabaran semasa keluarga. Oleh itu, Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi telah diwujudkan dalam instrumen pengukuran IKK mengambil kira perkembangan teknologi komunikasi mampu mempengaruhi kesejahteraan sesebuah keluarga. Lanjutan itu, siri kedua Kajian IKK 2016 telah diukur berdasarkan lapan domain.

Kajian IKK 2016 mengekalkan metodologi yang sama seperti IKK 2011 iaitu penggunaan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas, pensampelan berstrata dua peringkat dan temubual bersemuka bersama responden untuk menjawab soal selidik. Walaubagaimanapun, kriteria responden bagi mengukur IKK 2016 adalah sedikit berbeza dengan IKK 2011 dimana responden kajian bagi IKK 2016 adalah ibu atau bapa warganegara Malaysia yang mempunyai anak berumur diantara 3 hingga 24 tahun manakala responden kajian bagi IKK 2011 adalah ibu atau bapa warganegara Malaysia yang mempunyai anak berumur 13 hingga 24 tahun. Jumlah responden yang terlibat dalam IKK 2016 adalah sebanyak 3,878 orang di seluruh Malaysia.

IKK 2016 mengandungi lapan domain dengan 23 indikator dan 93 item. Hasil Kajian IKK 2016 menunjukkan skor 7.33 dan dikategorikan pada tahap sederhana. Hanya satu domain mencatatkan skor melebihi 8.00 yang dikategorikan berada pada tahap tinggi iaitu Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.04). Manakala domain lain mencatatkan skor di bawah 8.00 dengan Domain Perumahan dan Persekitaran mencatatkan skor paling rendah iaitu 6.24. Memandangkan terdapat beberapa perubahan pada domain, indikator, item dan penetapan kriteria responden, maka perbandingan antara dapatan IKK 2011 dan IKK 2016 tidak dapat dilakukan (LPPKN, 2017).




LPPKN (2020) meneruskan pengukuran dan pemantauan kesejahteraan keluarga dengan pelaksanaan siri ketiga IKK pada tahun 2019. Kajian IKK 2019 telah mengekalkan lapan domain dengan mengguna pakai semula instrumen yang terdapat dalam IKK 2016 dengan penambahbaikan yang minimal terhadap beberapa item dan indikator tertentu. Pelaksanaan IKK 2019 ini adalah sejajar dengan keperluan pelaporan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang menjadikan skor IKK sebagai salah satu Indikator Petunjuk Prestasi (KPI) Nasional.

IKK 2019 mengekalkan metodologi yang sama seperti IKK 2016. Jumlah responden yang terlibat dalam Kajian IKK 2019 adalah sebanyak 5,005 orang di seluruh negara. Instrumen IKK 2019 mengandungi lapan domain dengan 22 indikator dan 121 item. Hasil Kajian IKK 2019 menunjukkan skor 7.72 daripada skala maksimum 10.00. Walaupun skor ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.39 berbanding skor IKK 2016, namun tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia masih kekal pada tahap sederhana. Peningkatan skor IKK 2019 disumbangkan oleh tiga domain yang berada pada tahap tinggi dengan mencatatkan skor melebihi 8.00 iaitu Hubungan Kekeluargaan (8.35), Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.25) serta Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.00). Manakala domain lain mencatatkan skor di bawah 8.00 dengan Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi merekodkan skor yang paling rendah iaitu 6.82.



# KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022)

Objektif Kajian IKK 2022 adalah untuk:

| 1 | 2 | 3 | 4 |
|---|---|---|---|
| Mengemas kini dan menambah baik instrumen pengukuran Indeks Kesejahteraan Keluarga | Mengukur tahap kesejahteraan keluarga berdasarkan instrumen yang telah ditambah baik | Menghasilkan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022) | Mengemukakan cadangan intervensi bagi pengukuhan kesejahteraan keluarga di Malaysia |

# KEPENTINGAN KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022)

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) yang dilaksanakan oleh LPPKN merupakan usaha kerajaan untuk mengukur dan memantau tahap kesejahteraan keluarga di negara ini supaya kualiti hidup dan kesejahteraan keluarga dapat dipertingkatkan. Kajian ini dilaksanakan dengan kesedaran kepentingan keluarga sebagai unit asas sosial yang penting dalam membentuk individu insaniah dan generasi yang hebat untuk pembangunan negara. Pengukuran IKK secara tidak langsung dapat mengukur kesan pelaksanaan dasar pembangunan sosial dan ekonomi negara ke atas keluarga dan keberhasilannya.

Pelaksanaan IKK 2022 adalah sejajar dengan keperluan pelaporan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang menjadikan skor IKK sebagai salah satu indikator penting bagi bidang fokus Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus: Memperkukuh Institusi Keluarga dengan sasaran skor 8.00 daripada skala maksimum 10.00. Selain itu, indeks ini juga sejajar dengan keperluan pelaporan dalam salah satu daripada agenda global iaitu Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Baik Ke Arah Kehidupan Sihat dan Menggalakkan Kesejahteraan untuk Semua Peringkat Umur.

Pengukuran IKK 2022 juga penting dalam usaha pihak kerajaan menyediakan data terkini tahap kesejahteraan keluarga pasca pandemik COVID-19. Dapatan IKK 2022 menambah nilai kepada literatur dalam bidang kesejahteraan keluarga dan boleh dijadikan panduan dan input penting kepada pelbagai pihak dalam membentuk strategi dan program bagi memperkukuh kesejahteraan keluarga di negara ini.

## KETERBATASAN KAJIAN

Keterbatasan kajian ini adalah dari aspek kriteria responden iaitu ibu atau bapa warganegara Malaysia yang mempunyai anak berumur 3 hingga 24 tahun. Pengekalan kriteria responden adalah untuk memastikan kesinambungan dalam pelaporan agar perbandingan dengan siri kajian IKK terdahulu dapat dilaksanakan.

# METODOLOGI

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk tinjauan keratan rentas.

## RANGKA PENSAMPELAN

Rangka yang digunakan bagi pemilihan sampel IKK 2022 adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) yang terdiri daripada Blok Penghitungan (BP) yang diwujudkan untuk Banci Penduduk dan Perumahan 2020 yang dikemas kini dari semasa ke semasa. BP merupakan suatu kawasan muka bumi yang diwujudkan untuk tujuan pelaksanaan operasi survei yang secara puratanya mengandungi antara 80 hingga 120 tempat kediaman (TK).

## REKA BENTUK PENSAMPELAN

Kajian IKK 2022 menggunakan reka bentuk pensampelan berstrata dua peringkat *(two-stage stratified sampling)* di mana strata utama meliputi semua negeri di Malaysia dan strata kedua meliputi strata bandar dan luar bandar. Pemilihan sampel kemudiannya dilakukan pada peringkat BP dengan menggunakan kaedah berkebarangkalian berkadaran dengan saiz *(probability proportianate to size)*. Seterusnya, sampel TK dipilih daripada BP yang terpilih menggunakan kaedah sistematik melalui penjanaan nombor rawak dan menetapkan selang pemilihan supaya setiap TK mempunyai kebarangkalian yang sama untuk terpilih. Pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) membantu melaksanakan prosedur ini dengan secara teratur dan saintifik untuk menghasilkan sampel yang tidak pincang *(unbiased)* dan boleh mewakili seluruh populasi isi rumah di Malaysia.

## SAIZ SAMPEL

Saiz sampel IKK 2022 perlu mewakili populasi mengikut keperluan peringkat analisis yang ditetapkan. Penganggaran saiz sampel kajian ini telah mengambil kira elemen seperti penemuan daripada survei yang lepas dengan mengambil kira kadar indeks, peringkat reka bentuk pensampelan, ralat yang disasarkan dan kadar respon daripada survei yang lepas.

## SKOP KAJIAN

Dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan mengambil kira penilaian perspektif ibu atau bapa warganegara Malaysia yang mempunyai anak berumur

**3 hingga 24 tahun**

## INSTRUMEN

Instrumen IKK 2022 mengandungi 136 item yang meliputi

**8 domain dan 22 indikator**

Berdasarkan sorotan literatur penyelidikan dari dalam dan luar negara serta perbincangan bersama pakar bidang berkaitan, penambahbaikan instrumen telah dilaksanakan. Untuk itu, kesemua lapan domain dan 22 indikator yang digunakan dalam IKK 2019 dikekalkan dengan pengubahsuaian pada dua indikator iaitu Domain Perumahan dan Persekitaran dan Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi.

Domain Perumahan dan Persekitaran dalam IKK 2019 mengandungi tiga indikator iaitu Kawasan Perumahan, Tahap Pencemaran dan Amalan 3R. Definisi bagi Indikator Kawasan Perumahan dan Tahap Pencemaran masih relevan dan dikekalkan dalam IKK 2022. Namun Indikator Amalan 3R telah diubah suai kepada Indikator Kebersihan Persekitaran. Definisi indikator ini merujuk kepada kesedaran dan pengetahuan tentang kebersihan persekitaran iaitu kelestarian alam sekitar supaya bebas daripada kekotoran pencemaran dan unsur yang membahayakan kesihatan keluarga. Indikator Kebersihan Persekitaran ini lebih menyeluruh berbanding Amalan 3R bagi mengukur tahap kebersihan persekitaran berpandukan Matlamat 11 SDG iaitu menjadikan bandar dan penempatan penduduk sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi dalam IKK 2019 mengandungi dua indikator iaitu Pengaruh Aplikasi Komunikasi dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi. Berdasarkan sorotan literatur, Indikator Pengaruh Aplikasi Komunikasi diubah suai kepada Indikator Pemanfaatan Digital. Definisi indikator ini merujuk kepada penggunaan teknologi digital yang menyeluruh dan tidak terhad kepada interaksi sahaja berdasarkan justifikasi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) 2021 (Unit Perancang Ekonomi, 2022) yang telah dirangka bagi memperkasa penggunaan teknologi di negara ini. Peningkatan penggunaan teknologi internet juga meningkat dengan ketara semasa pandemik COVID-19 yang memberi pelbagai kesan kepada sektor dalam negara. Justeru, perubahan indikator telah dilakukan bagi mengukur kesan penggunaan teknologi dalam aspek yang lebih menyeluruh meliputi hiburan, pembelajaran, kesihatan dan ekonomi serta tidak terhad terhadap interaksi atau komunikasi sahaja.

Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi telah ditambah baik dengan pendefinisian semula indikator tersebut kepada pemantauan dan penyeliaaan teknologi komunikasi anak dalam penggunaan media sosial. Pengubahsuaian definisi indikator ini menggunakan istilah yang lebih umum bagi menggantikan contoh khusus yang digunakan dalam IKK 2019 iaitu *SMS*, *WhatsApp*, *Wechat* dan *Telegram*.

# DOMAIN DAN INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022

## DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN

### INDIKATOR PENGLIBATAN IBU BAPA

Penyertaan Ibu bapa dan anak-anak secara bersama aktiviti harian, disiplin dan mengajar sikap tanggungjawab serta pujian dan kasih sayang

### INDIKATOR IMBANGAN KERJA-KELUARGA

Keseimbangan masa dan persepsi positif individu ke atas perhubungan antara kerjaya dan peranan keluarga yang mana perhubungan tersebut dilihat sebagai seimbang dan setara antara satu sama lain

### INDIKATOR KUALITI MASA BERSAMA KELUARGA

Masa yang diluangkan oleh ibu bapa dalam melakukan aktiviti yang disukai anak-anak dan aktiviti riadah serta masa yang digunakan anak-anak untuk berkongsi cerita dengan ibu bapa

### INDIKATOR KEFUNGSIAN KELUARGA

Keupayaan keluarga untuk berinteraksi, berkomunikasi, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan mengekalkan hubungan antara satu sama lain

### INDIKATOR PERHUBUNGAN RAPAT

Hubungan emosi, kepercayaan empati antara ahli keluarga

### INDIKATOR DAYA TINDAK KELUARGA

Keupayaan individu dan keluarga untuk mengendalikan masalah atau tekanan dengan baik

### INDIKATOR DAYA TAHAN KELUARGA

Keupayaan keluarga untuk berdepan dengan tekanan dan kesukaran serta mengatasi tekanan dan kesukaran tersebut

# DOMAIN EKONOMI KELUARGA

### INDIKATOR KESEJAHTERAAN KEWANGAN

Penilaian keadaan kewangan keluarga dalam memenuhi kesejahteraan kewangan semasa dan menyelesaikan komitmen kewangan yang sedia ada

### INDIKATOR PENGURUSAN KEWANGAN

Penilaian cara pengurusan sumber kewangan untuk mencapai matlamat kewangan keluarga

# DOMAIN KESIHATAN KELUARGA

### INDIKATOR AMALAN KESIHATAN KELUARGA

Gaya hidup yang sihat termasuklah aktiviti bersenam, hidangan makanan harian yang seimbang, tidak merokok, tidak terlibat dalam penyalahgunaan bahan dan tiada masalah penyakit kronik dalam keluarga

### INDIKATOR KESIHATAN UMUM

Keadaan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial keluarga secara menyeluruh

# DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA

### INDIKATOR KESELAMATAN KELUARGA

Tahap kepekaan dan kesedaran individu terhadap keselamatan keluarga serta yakin selamat berada di persekitaran kediaman

### INDIKATOR PENGETAHUAN KECEMASAN

Kesedaran dan pemahaman berkaitan kemahiran dan langkah keselamatan ketika kecemasan

# DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI

## INDIKATOR KERJASAMA DALAM KOMUNITI

Hubungan sosial yang wujud daripada keperluan untuk membangunkan jalinan keluarga dengan komuniti

## INDIKATOR HUBUNGAN DALAM KOMUNITI

Hubungan baik dengan jiran tetangga, menziarahi jiran tetangga dan menyayangi komuniti

# DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN

## INDIKATOR PERANAN AGAMA

Kesan peranan agama terhadap individu. Diukur melalui peranannya sebagai asas kesejahteraan keluarga dan kefahaman terhadap kehidupan

## INDIKATOR AMALAN KEROHANIAN

Pemantapan rohani dalam kehidupan. Diukur melalui pelbagai amalan kerohanian mengikuti kepercayaan dan pegangan agama

# DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN

## INDIKATOR KAWASAN PERUMAHAN

Prasarana yang disediakan untuk kesejahteraan individu dan keluarga. Diukur melalui kebolehcapaian kepada kemudahan pengangkutan dan infrastuktur di kawasan perumahan, tahap kepuasan utiliti dan bantuan komuniti

## INDIKATOR KEBERSIHAN PERSEKITARAN

Kesedaran dan pengetahuan tentang kebersihan persekitaran iaitu kelestarian alam sekitar supaya bebas daripada kekotoran pencemaran dan unsur yang membahayakan kesihatan keluarga

## INDIKATOR TAHAP PENCEMARAN

Pencemaran bau dan pencemaran bunyi yang melibatkan penyelenggaraan sampah sarap, sistem perparitan dan tahap kebisingan di kawasan perumahan

# DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI

## INDIKATOR PEMANFAATAN DIGITAL

Merujuk kepada pemanfaatan teknologi digital terhadap kesejahteraan hidup keluarga dalam aspek sosial, pembelajaran dan ekonomi keluarga

## INDIKATOR KAWALAN IBU BAPA TERHADAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI

Pemantauan dan penyeliaan terhadap penggunaan teknologi komunikasi anak-anak dalam media sosial dan komputer

# KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Umumnya, ukuran kekonsistenan dalaman digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian. Kekonsistenan dalaman boleh diukur melalui indikator yang mengukur kebolehpercayaan seperti pekali Cronbach Alpha. Dalam Kajian IKK 2022 ini, pekali Cronbach Alpha digunakan untuk menguji kekonsistenan dalaman bagi item yang dibina. Menurut Bougie & Sekaran (2020), pekali Cronbach Alpha yang melebihi 0.70 sering digunakan sebagai asas menentukan kebolehpercayaan soal selidik dan boleh diterima. Instrumen IKK 2022 mempunyai nilai pekali Cronbach Alpha di antara 0.77 hingga 0.94 bagi setiap konstruk indikator. Ini bermakna setiap konstruk indikator mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima (Bougie & Sekaran, 2020).

# TEMPOH DAN KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Tempoh pelaksanaan kerja lapangan kajian mengambil masa selama 5 bulan iaitu dari 20 Disember 2022 sehingga 30 Mei 2023. Data dikumpulkan melalui kaedah temu bual bersemuka di tempat kediaman responden menggunakan borang soal selidik. Kesemua data dikumpul menggunakan *Computer-Assisted Personal Interview* (CAPI). Secara purata, masa yang diambil untuk menemu bual responden adalah di antara 30 hingga 40 minit.

# PENGANALISISAN DATA

Data daripada borang soal selidik yang telah dijawab oleh semua responden dikumpul dan dianalisis untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Analisis berstatistik ke atas data kajian ini telah dilakukan dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS).

Bagi menganalisis setiap pembolehubah, kaedah analisis kekerapan dan analisis nilai purata telah digunakan dalam kajian ini. Skor yang diperolehi telah diselaraskan (*normalisation*) kepada 10 *point scale* menggunakan kaedah item yang bertujuan untuk penyeragaman analisa dan interpretasi data (LPPKN, 2013).

Seterusnya, Indeks Kesejahteraan Keluarga dihasilkan dengan mengambil purata skor domain. Skor domain diperolehi melalui purata skor bagi kesemua indikator yang terdapat dalam sesuatu domain. IKK 2022 menggunakan skor 10.00 sebagai skor maksimum di mana semakin tinggi nilai skor yang diperoleh, maka semakin baik tahap kesejahteraan keluarga (LPPKN, 2020).

$$\text{Skor Indikator} = \frac{M_1 - M_2}{R} \times 10$$

$$\text{Skor Domain} = \frac{\Sigma \text{ Skor Indikator}}{N \text{ Indikator}}$$

$$\text{Skor Indeks} = \frac{\Sigma \text{ Skor Domain}}{N \text{ Domain}}$$

Petunjuk:
Σ: Jumlah skor
$M_1$: Purata skor
$M_2$: Skala minimum item
R: Julat (skala maksimum item – skala minimum item)
N: Bilangan

# PENEMUAN KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022)

## PROFIL RESPONDEN

Daripada sejumlah 8,460 tempat kediaman yang telah dilawati, kajian ini telah berjaya menemu bual seramai 5,236 responden yang terdiri daripada 2,784 (53.2%) lelaki/bapa dan 2,452 (46.8%) perempuan/ibu. Hampir dua per tiga responden yang terlibat dalam kajian ini adalah tinggal di kawasan bandar (65.8%). Hampir tiga per empat responden adalah etnik Melayu (72.8%), diikuti Cina (11.9%), Bumiputera Lain (9.2%), India (4.8%) dan Lain-lain (1.3%). Taburan responden mengikut kategori mendapati hampir satu per tiga dalam lingkungan umur 40 hingga 49 tahun (32.7%) dan 26.5 peratus berumur di antara 30 hingga 39 tahun. Majoriti responden masih berkahwin (93.2%), diikuti duda/balu (4.6%) dan bercerai/berpisah (2.2%).

Bagi aspek pendidikan, tiga kategori paling ramai responden yang ditemu bual adalah berpendidikan menengah (33.0%), diikuti oleh Ijazah Sarjana Muda (21.1%) dan Diploma (18.4%). Berkenaan dengan aspek pendapatan bulanan isi rumah, 68.9 peratus adalah daripada isi rumah berpendapatan kurang daripada RM4,850.00, diikuti 26.0 peratus berpendapatan RM4,851.00 hingga RM10,970.00 dan 5.1 peratus mempunyai pendapatan melebihi RM10,971.00. Sebanyak 75.3 peratus daripada keluarga yang diliputi adalah daripada keluarga asas. Ini diikuti oleh keluarga luas (15.5%), keluarga tunggal (6.9%) dan keluarga gabungan (0.4%). Selebihnya iaitu 1.9 peratus adalah terdiri daripada keluarga di mana anak tidak lagi tinggal bersama (1.4%), keluarga jagaan datuk-nenek iaitu anak dijaga oleh datuk-nenek (0.4%) dan keluarga tidak konvensional iaitu keluarga besar yang terhasil daripada poligami (0.1%).

| Profil | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| **Jantina** | | |
| Lelaki (Bapa) | 2,784 | 53.2 |
| Perempuan (Ibu) | 2,452 | 46.8 |
| **Strata** | | |
| Bandar | 3,447 | 65.8 |
| Luar Bandar | 1,789 | 34.2 |
| **Etnik** | | |
| Melayu | 3,810 | 72.8 |
| Bumiputera Lain | 482 | 9.2 |
| Cina | 622 | 11.9 |
| India | 252 | 4.8 |
| Lain-lain | 70 | 1.3 |

| Profil | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| **Umur** | | |
| 18-29 tahun | 380 | 7.3 |
| 30-39 tahun | 1,385 | 26.5 |
| 40-49 tahun | 1,714 | 32.7 |
| 50-59 tahun | 1,121 | 21.4 |
| 60-69 tahun | 481 | 9.2 |
| 70 tahun dan ke atas | 155 | 3.0 |
| **Status Perkahwinan** | | |
| Berkahwin | 4,881 | 93.2 |
| Duda/balu | 240 | 4.6 |
| Bercerai/berpisah | 115 | 2.2 |
| **Tahap Pendidikan** | | |
| Tiada Persekolahan (Tiada Sijil) | 193 | 3.7 |
| Rendah (Penilaian Darjah 5/UPSR) | 179 | 3.4 |
| Menengah Rendah (LCE/SRP/PMR) | 292 | 5.6 |
| Menengah (MCE/SPM/SPVM/O Level) | 1,730 | 33.0 |
| Menengah Tinggi (STPM/STAM/A Level) | 223 | 4.3 |
| Sijil Kemahiran | 300 | 5.7 |
| Diploma | 964 | 18.4 |
| Ijazah Sarjana Muda | 1,107 | 21.1 |
| Ijazah Sarjana | 198 | 3.8 |
| Doktor Falsafah (PhD) | 50 | 1.0 |
| **Pendapatan Bulanan Isi Rumah** | | |
| RM 4,850.00 dan ke bawah | 3,608 | 68.9 |
| RM 4,851.00 - RM 10,970.00 | 1,359 | 26.0 |
| RM 10,971 dan ke atas | 269 | 5.1 |
| **Jenis Keluarga** | | |
| Keluarga Asas (bapa, ibu dan anak) | 3,941 | 75.3 |
| Keluarga Luas (bapa, ibu, anak dan ahli keluarga lain) | 811 | 15.5 |
| Keluarga Tunggal (bapa/ibu tunggal dan anak) | 359 | 6.9 |
| Keluarga Gabungan (bapa/ibu tiri dan adik beradik tiri) | 22 | 0.4 |
| Lain-lain | 103 | 1.9 |

# SKOR INDEKS, DOMAIN DAN INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022)

Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2022 (IKK 2022) yang dicatatkan adalah 7.93 daripada skala maksimum 10.00 iaitu berada pada tahap sederhana. Daripada lapan domain yang diukur terdapat lima domain yang berada pada tahap yang tinggi dengan catatan skor melebihi 8.00. Lima domain tersebut adalah Hubungan Kekeluargaan (8.44); Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.37); Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.24); Keluarga dan Teknologi Komunikasi (8.18); dan Kesihatan Keluarga (8.07). Manakala domain yang berada pada tahap sederhana dengan merekodkan skor kurang daripada 8.00 adalah Keselamatan Keluarga (7.69); Perumahan dan Persekitaran (7.55); dan Ekonomi Keluarga (6.90). Dapatan kajian menunjukkan Domain Ekonomi Keluarga merekodkan skor paling rendah dan ini menunjukkan bahawa kesejahteraan keluarga di Malaysia masih terkesan oleh aspek ekonomi.




Indeks Kesejahteraan Keluarga 2022 (IKK 2022)

## DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Skor keseluruhan untuk Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.44. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.18, diikuti Kefungsian Keluarga (9.03), Penglibatan Ibu Bapa (8.80), Daya Tindak Keluarga (8.24), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.17), Daya Tahan Keluarga (8.14) dan Imbangan Kerja -Keluarga (7.56).

## DOMAIN KESIHATAN KELUARGA

Skor keseluruhan untuk Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.07. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluraga (8.33) mencatatkan skor yang lebih lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.81).

## DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI

Skor keseluruhan Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.24. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.58) merekodkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.90).

## DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN

Skor keseluruhan Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.55. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor paling tinggi iaitu 8.16, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (7.60) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (6.89).

## DOMAIN EKONOMI KELUARGA

Skor keseluruhan Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.90. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.92) mencatatkan skor yang sedikit tinggi berbanding Indikator Pengurusan Kewangan (6.88).

## DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA

Skor keseluruhan Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.69. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.15) merekodkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.22).

## DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN

Skor keseluruhan Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.37. Didapati Indikator Peranan Agama (8.72) mencatatkan skor lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.02).

## DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI

Skor keseluruhan Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.18. Didapati Indikator Pemanfaatan Digital (8.56) mempunyai skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.80).

# SKOR DOMAIN DAN INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022)

| DOMAIN / INDIKATOR | SKOR |
|---|---|
| **DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN** | **8.44** |
| Penglibatan Ibu Bapa | 8.80 |
| Kualiti Masa Bersama Keluarga | 8.17 |
| Perhubungan Rapat | 9.18 |
| Imbangan Kerja-Keluarga | 7.56 |
| Kefungsian Keluarga | 9.03 |
| Daya Tindak Keluarga | 8.24 |
| Daya Tahan Keluarga | 8.14 |
| **DOMAIN EKONOMI KELUARGA** | **6.90** |
| Kesejahteraan Kewangan | 6.92 |
| Pengurusan Kewangan | 6.88 |
| **DOMAIN KESIHATAN KELUARGA** | **8.07** |
| Amalan Kesihatan Keluarga | 8.33 |
| Kesihatan Umum | 7.81 |
| **DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA** | **7.69** |
| Keselamatan Keluarga | 8.15 |
| Pengetahuan Kecemasan | 7.22 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI** | **8.24** |
| Kerjasama Dalam Komuniti | 7.90 |
| Hubungan Dalam Komuniti | 8.58 |
| **DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN** | **8.37** |
| Peranan Agama | 8.72 |
| Amalan Kerohanian | 8.02 |
| **DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN** | **7.55** |
| Kawasan Perumahan | 8.16 |
| Kebersihan Persekitaran | 6.89 |
| Tahap Pencemaran | 7.60 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI** | **8.18** |
| Pemanfaatan Digital | 8.56 |
| Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi | 7.80 |

# SKOR INDEKS, DOMAIN DAN INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022) MENGIKUT CIRI-CIRI DEMOGRAFI

Analisis mengikut ciri-ciri demografi responden dijalankan untuk melihat skor IKK 2022 mengikut strata, etnik, pendapatan dan jenis keluarga.

Perbandingan mengikut strata mendapati keluarga di bandar mencatat skor yang lebih tinggi iaitu 7.95 berbanding keluarga di luar bandar (7.90).

## SKOR DOMAIN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022) MENGIKUT STRATA

| DOMAIN | Bandar | Luar Bandar |
|---|---|---|
| HUBUNGAN KEKELUARGAAN | 8.44 | 8.45 |
| EKONOMI KELUARGA | 6.94 | 6.85 |
| KESIHATAN KELUARGA | 8.09 | 8.03 |
| KESELAMATAN KELUARGA | 7.68 | 7.71 |
| KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI | 8.21 | 8.28 |
| KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN | 8.35 | 8.41 |
| PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN | 7.68 | 7.35 |
| KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI | 8.21 | 8.13 |
| IKK 2022 | 7.95 | 7.90 |

# SKOR INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK2022) MENGIKUT STRATA

| Indikator | Bandar | Luar Bandar |
|---|---|---|
| **DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN** | | |
| Penglibatan Ibu Bapa | 8.79 | 8.81 |
| Kualiti Masa Bersama Keluarga | 8.16 | 8.18 |
| Perhubungan Rapat | 9.19 | 9.17 |
| Imbangan Kerja - Keluarga | 7.54 | 7.59 |
| Kefungsian Keluarga | 9.03 | 9.03 |
| Daya Tindak Keluarga | 8.24 | 8.22 |
| Daya Tahan Keluarga | 8.14 | 8.14 |
| **DOMAIN EKONOMI KELUARGA** | | |
| Kesejahteraan Kewangan | 6.93 | 6.90 |
| Pengurusan Kewangan | 6.94 | 6.80 |
| **DOMAIN KESIHATAN KELUARGA** | | |
| Amalan Kesihatan Keluarga | 8.36 | 8.27 |
| Kesihatan Umum | 7.82 | 7.80 |
| **DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA** | | |
| Keselamatan Keluarga | 8.17 | 8.12 |
| Pengetahuan Kecemasan | 7.18 | 7.29 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI** | | |
| Kerjasama Dalam Komuniti | 7.87 | 7.94 |
| Hubungan Dalam Komuniti | 8.55 | 8.62 |
| **DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN** | | |
| Peranan Agama | 8.70 | 8.77 |
| Amalan Kerohanian | 8.00 | 8.05 |
| **DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN** | | |
| Kawasan Perumahan | 8.44 | 7.73 |
| Kebersihan Persekitaran | 6.95 | 6.79 |
| Tahap Pencemaran | 7.64 | 7.53 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI** | | |
| Pemanfaatan Digital | 8.60 | 8.51 |
| Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi | 7.82 | 7.75 |

# SKOR INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022) MENGIKUT ETNIK

Bagi skor mengikut etnik, etnik Melayu mencatatkan skor tertinggi iaitu 7.97, diikuti Cina (7.95), Bumiputera Lain (7.89), India (7.80) dan Lain-lain (7.15).

| DOMAIN | Melayu | Cina | India | Bumi. Lain | Lain-Lain |
|---|---|---|---|---|---|
| HUBUNGAN KEKELUARGAAN | 8.43 | 8.39 | 8.29 | 8.59 | 8.06 |
| EKONOMI KELUARGA | 6.93 | 7.25 | 6.91 | 6.75 | 5.77 |
| KESIHATAN KELUARGA | 8.06 | 8.35 | 7.91 | 8.03 | 7.54 |
| KESELAMATAN KELUARGA | 7.70 | 7.82 | 7.43 | 7.76 | 6.54 |
| KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI | 8.21 | 8.10 | 8.00 | 8.50 | 7.79 |
| KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN | 8.60 | 7.44 | 7.83 | 8.31 | 7.42 |
| PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN | 7.66 | 7.96 | 7.88 | 7.01 | 6.52 |
| KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI | 8.20 | 8.23 | 8.16 | 8.13 | 7.59 |
| IKK 2022 | 7.97 | 7.95 | 7.80 | 7.89 | 7.15 |

# SKOR INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022) MENGIKUT ETNIK

| Indikator | Melayu | Cina | India | Bumi. Lain | Lain-Lain |
|---|---|---|---|---|---|
| **DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN** | | | | | |
| Penglibatan Ibu Bapa | 8.79 | 8.73 | 8.57 | 8.95 | 8.17 |
| Kualiti Masa Bersama Keluarga | 8.14 | 8.15 | 8.05 | 8.39 | 7.09 |
| Perhubungan Rapat | 9.13 | 9.12 | 9.11 | 9.38 | 9.34 |
| Imbangan Kerja - Keluarga | 7.67 | 7.65 | 7.62 | 7.27 | 6.20 |
| Kefungsian Keluarga | 9.00 | 8.99 | 8.83 | 9.22 | 8.97 |
| Daya Tindak Keluarga | 8.17 | 8.08 | 7.97 | 8.56 | 8.47 |
| Daya Tahan Keluarga | 8.10 | 8.00 | 7.9 | 8.41 | 8.15 |
| **DOMAIN EKONOMI KELUARGA** | | | | | |
| Kesejahteraan Kewangan | 6.97 | 7.20 | 6.91 | 6.78 | 5.42 |
| Pengurusan Kewangan | 6.89 | 7.31 | 6.92 | 6.72 | 6.12 |
| **DOMAIN KESIHATAN KELUARGA** | | | | | |
| Amalan Kesihatan Keluarga | 8.37 | 8.78 | 8.34 | 8.06 | 7.34 |
| Kesihatan Umum | 7.75 | 7.93 | 7.48 | 8.01 | 7.75 |
| **DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA** | | | | | |
| Keselamatan Keluarga | 8.14 | 8.17 | 7.74 | 8.32 | 7.63 |
| Pengetahuan Kecemasan | 7.25 | 7.48 | 7.11 | 7.20 | 5.45 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI** | | | | | |
| Kerjasama Dalam Komuniti | 7.91 | 7.64 | 7.58 | 8.13 | 7.18 |
| Hubungan Dalam Komuniti | 8.50 | 8.57 | 8.42 | 8.86 | 8.40 |
| **DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN** | | | | | |
| Peranan Agama | 8.88 | 7.77 | 8.04 | 8.87 | 8.18 |
| Amalan Kerohanian | 8.31 | 7.12 | 7.62 | 7.75 | 6.65 |
| **DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN** | | | | | |
| Kawasan Perumahan | 8.31 | 8.76 | 8.56 | 7.37 | 7.37 |
| Kebersihan Persekitaran | 7.06 | 7.36 | 7.28 | 6.20 | 5.23 |
| Tahap Pencemaran | 7.62 | 7.77 | 7.81 | 7.46 | 6.94 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI** | | | | | |
| Pemanfaatan Digital | 8.55 | 8.69 | 8.58 | 8.60 | 7.99 |
| Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi | 7.86 | 7.78 | 7.74 | 7.67 | 7.19 |

# SKOR DOMAIN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022) MENGIKUT PENDAPATAN ISI RUMAH

Skor IKK 2022 didapati semakin meningkat seiring dengan meningkatnya kumpulan pendapatan. Keluarga yang berpendapatan bulanan isi rumah melebihi RM10,971.00 mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.24, diikuti oleh isi rumah berpendapatan di antara RM4,851.00 hingga RM10,970.00 (8.06) dan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM4,850.00 (7.87).

| DOMAIN | RM4,850 & ke bawah | RM4,851 - RM10,970 | RM10,971 & ke atas |
|---|---|---|---|
| HUBUNGAN KEKELUARGAAN | 8.41 | 8.51 | 8.65 |
| EKONOMI KELUARGA | 6.70 | 7.34 | 7.78 |
| KESIHATAN KELUARGA | 8.02 | 8.18 | 8.30 |
| KESELAMATAN KELUARGA | 7.60 | 7.86 | 8.12 |
| KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI | 8.26 | 8.15 | 8.34 |
| KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN | 8.38 | 8.33 | 8.44 |
| PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN | 7.46 | 7.78 | 7.82 |
| KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI | 8.11 | 8.33 | 8.46 |
| IKK 2022 | 7.87 | 8.06 | 8.24 |

# SKOR INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022) MENGIKUT PENDAPATAN ISI RUMAH

| Indikator | RM4,850 & ke bawah | RM4,851 - RM10,970 | RM10,971 & ke atas |
|---|---|---|---|
| **DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN** | | | |
| Penglibatan Ibu Bapa | 8.76 | 8.86 | 9.04 |
| Kualiti Masa Bersama Keluarga | 8.09 | 8.32 | 8.54 |
| Perhubungan Rapat | 9.15 | 9.21 | 9.43 |
| Imbangan Kerja - Keluarga | 7.53 | 7.63 | 7.57 |
| Kefungsian Keluarga | 9.01 | 9.05 | 9.20 |
| Daya Tindak Keluarga | 8.19 | 8.30 | 8.53 |
| Daya Tahan Keluarga | 8.12 | 8.18 | 8.22 |
| **DOMAIN EKONOMI KELUARGA** | | | |
| Kesejahteraan Kewangan | 6.77 | 7.23 | 7.72 |
| Pengurusan Kewangan | 6.63 | 7.46 | 7.84 |
| **DOMAIN KESIHATAN KELUARGA** | | | |
| Amalan Kesihatan Keluarga | 8.26 | 8.48 | 8.50 |
| Kesihatan Umum | 7.77 | 7.88 | 8.10 |
| **DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA** | | | |
| Keselamatan Keluarga | 8.07 | 8.29 | 8.75 |
| Pengetahuan Kecemasan | 7.14 | 7.44 | 7.49 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI** | | | |
| Kerjasama Dalam Komuniti | 7.92 | 7.81 | 8.03 |
| Hubungan Dalam Komuniti | 8.60 | 8.49 | 8.64 |
| **DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN** | | | |
| Peranan Agama | 8.74 | 8.67 | 8.72 |
| Amalan Kerohanian | 8.03 | 7.99 | 8.15 |
| **DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN** | | | |
| Kawasan Perumahan | 8.00 | 8.57 | 8.58 |
| Kebersihan Persekitaran | 6.81 | 7.08 | 7.10 |
| Tahap Pencemaran | 7.55 | 7.69 | 7.77 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI** | | | |
| Pemanfaatan Digital | 8.51 | 8.66 | 8.81 |
| Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi | 7.71 | 8.00 | 8.12 |

# SKOR DOMAIN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022) MENGIKUT JENIS KELUARGA

Dari segi jenis keluarga, didapati bahawa keluarga luas mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.00. Ini diikuti dengan keluarga asas (7.93), keluarga tunggal (7.83) dan keluarga gabungan (7.32).

| DOMAIN | Keluarga Asas | Keluarga Luas | Keluarga Tunggal | Keluarga Gabungan |
|---|---|---|---|---|
| HUBUNGAN KEKELUARGAAN | 8.43 | 8.58 | 8.37 | 7.49 |
| EKONOMI KELUARGA | 6.92 | 6.95 | 6.63 | 5.81 |
| KESIHATAN KELUARGA | 8.10 | 8.11 | 7.73 | 7.04 |
| KESELAMATAN KELUARGA | 7.70 | 7.75 | 7.57 | 7.05 |
| KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI | 8.18 | 8.51 | 8.32 | 7.50 |
| KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN | 8.36 | 8.43 | 8.40 | 8.40 |
| PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN | 7.57 | 7.41 | 7.59 | 7.34 |
| KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI | 8.18 | 8.27 | 8.05 | 7.92 |
| IKK 2022 | 7.93 | 8.00 | 7.83 | 7.32 |

# SKOR INDIKATOR INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2022 (IKK 2022) MENGIKUT JENIS KELUARGA

| Indikator | Keluarga Asas | Keluarga Luas | Keluarga Tunggal | Keluarga Gabungan |
|---|---|---|---|---|
| **DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN** | | | | |
| Penglibatan Ibu Bapa | 8.79 | 8.87 | 8.73 | 8.00 |
| Kualiti Masa Bersama Keluarga | 8.16 | 8.30 | 8.12 | 7.20 |
| Perhubungan Rapat | 9.17 | 9.29 | 9.12 | 8.00 |
| Imbangan Kerja - Keluarga | 7.54 | 7.71 | 7.39 | 6.55 |
| Kefungsian Keluarga | 9.02 | 9.13 | 8.97 | 8.02 |
| Daya Tindak Keluarga | 8.22 | 8.42 | 8.16 | 7.09 |
| Daya Tahan Keluarga | 8.11 | 8.35 | 8.08 | 7.55 |
| **DOMAIN EKONOMI KELUARGA** | | | | |
| Kesejahteraan Kewangan | 6.92 | 7.01 | 6.71 | 5.67 |
| Pengurusan Kewangan | 6.92 | 6.90 | 6.55 | 5.96 |
| **DOMAIN KESIHATAN KELUARGA** | | | | |
| Amalan Kesihatan Keluarga | 8.36 | 8.28 | 8.02 | 6.92 |
| Kesihatan Umum | 7.83 | 7.93 | 7.44 | 7.16 |
| **DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA** | | | | |
| Keselamatan Keluarga | 8.15 | 8.27 | 8.06 | 7.42 |
| Pengetahuan Kecemasan | 7.25 | 7.24 | 7.09 | 6.68 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI** | | | | |
| Kerjasama Dalam Komuniti | 7.84 | 8.17 | 7.96 | 6.97 |
| Hubungan Dalam Komuniti | 8.52 | 8.84 | 8.68 | 8.03 |
| **DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN** | | | | |
| Peranan Agama | 8.70 | 8.83 | 8.83 | 8.55 |
| Amalan Kerohanian | 8.02 | 8.04 | 7.97 | 8.26 |
| **DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN** | | | | |
| Kawasan Perumahan | 8.22 | 7.90 | 8.03 | 7.84 |
| Kebersihan Persekitaran | 6.92 | 6.70 | 7.01 | 6.77 |
| Tahap Pencemaran | 7.58 | 7.62 | 7.74 | 7.42 |
| **DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI** | | | | |
| Pemanfaatan Digital | 8.56 | 8.67 | 8.44 | 8.28 |
| Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi | 7.80 | 7.87 | 7.66 | 7.56 |




## SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# JOHOR 7.88

TAHAP SEDERHANA

**Domain Hubungan Kekeluargaan**

**8.42**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.42. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.11, diikuti oleh Indikator Kefungsian Keluarga (8.98), Penglibatan Ibu Bapa (8.83), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.26), Daya Tindak Keluarga (8.11), Daya Tahan Keluarga (7.99) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.63).

**Domain Ekonomi Keluarga**

**7.13**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 7.13 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain lain. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan dan Indikator Pengurusan Kewangan masing-masing mencatatkan skor 7.13.

**Domain Kesihatan Keluarga**

**8.02**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.02. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.52) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.53).

**Domain Keselamatan Keluarga**

**7.39**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.39. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (7.75) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.02).

**Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti**

**7.99**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 7.99. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.35) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.63).

**Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian**

**8.24**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Kerohanian ialah 8.24. Didapati Indikator Peranan Agama (8.42) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.06).

**Domain Perumahan dan Persekitaran**

**7.68**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.68. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.35, diikuti Tahap Pencemaran (7.40) dan Kebersihan Persekitaran (7.29).

**Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi**

**8.18**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.18. Indikator Pemanfaatan Digital (8.64) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.73).



# SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# KEDAH 8.04

TAHAP TINGGI

## Domain Hubungan Kekeluargaan
**8.43**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.43. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.15, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.99), Penglibatan Ibu Bapa (8.78), Daya Tindak Keluarga (8.26), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.17), Daya Tahan Keluarga (8.15) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.54).

## Domain Ekonomi Keluarga
**7.06**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 7.06 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain lain. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan (7.18) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengurusan Kewangan (6.93).

## Domain Kesihatan Keluarga
**8.19**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.19. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.50) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.89).

## Domain Keselamatan Keluarga
**7.75**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.75. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.31) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.18).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti
**8.18**

Skor Keseluruhan Bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti Ialah 8.18. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.42) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.94).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian
**8.57**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.57. Didapati Indikator Peranan Agama (8.87) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.28).

## Domain Perumahan dan Persekitaran
**7.86**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.86. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.34, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (7.78) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (7.45).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi
**8.28**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.28. Indikator Pemanfaatan Digital (8.58) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.98).



# SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# KELANTAN 7.97

TAHAP SEDERHANA

## Domain Hubungan Kekeluargaan
**8.45**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ini ialah 8.45. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.14, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.98), Penglibatan Ibu Bapa (8.79), Daya Tindak Keluarga (8.37), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.16), Daya Tahan Keluarga (8.14) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.61).

## Domain Ekonomi Keluarga
**6.74**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.74 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain lain. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.89) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengurusan Kewangan (6.59).

## Domain Kesihatan Keluarga
**7.88**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 7.88. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.03) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.73).

## Domain Keselamatan Keluarga
**7.65**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.65. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.20) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.10).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti
**8.55**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.55. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.93) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (8.18).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian
**8.88**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.88. Didapati Indikator Peranan Agama (9.15) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.61).

## Domain Perumahan dan Persekitaran
**7.36**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.36. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 7.76, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (7.35) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (6.95).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi
**8.26**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.26. Indikator Pemanfaatan Digital (8.60) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.92).



# SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# MELAKA 7.83

TAHAP SEDERHANA

**Domain Hubungan Kekeluargaan**
**8.35**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.35. Didapati indikator perhubungan rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.06, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.97), Penglibatan Ibu Bapa (8.77), Daya Tindak Keluarga (8.15), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.07), Daya Tahan Keluarga (7.96) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.45).

**Domain Ekonomi Keluarga**
**6.75**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.75 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain lain. Didapati Indikator Pengurusan Kewangan (6.85) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.66).

**Domain Kesihatan Keluarga**
**7.72**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 7.72. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (7.87) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.56).

**Domain Keselamatan Keluarga**
**7.17**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.17. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.05) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (6.30).

**Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti**
**8.28**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.28. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.58) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.98).

**Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian**
**8.35**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.35. Didapati Indikator Peranan Agama (8.60) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.09).

**Domain Perumahan dan Persekitaran**
**7.88**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.88. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.57, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (7.66) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (7.40).

**Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi**
**8.12**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.12. Indikator Pemanfaatan Digital (8.45) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.79).



## SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# NEGERI SEMBILAN

# 8.00

TAHAP TINGGI

**Domain Hubungan Kekeluargaan**
**8.41**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.41. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.10, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (9.07), Penglibatan Ibu Bapa (8.75), Daya Tindak Keluarga (8.16), Daya Tahan Keluarga (8.03), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.02) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.76).

**Domain Ekonomi Keluarga**
**7.07**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 7.07 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain lain. Didapati Indikator Pengurusan Kewangan (7.17) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.98).

**Domain Kesihatan Keluarga**
**8.07**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.07. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.22) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.93).

**Domain Keselamatan Keluarga**
**7.84**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.84. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.35) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.33).

**Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti**
**8.22**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.22. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.53) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.92).

**Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian**
**8.07**

Skor keseluruhan bagi domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.07. Didapati Indikator Peranan Agama (8.52) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (7.63).

**Domain Perumahan dan Persekitaran**
**7.87**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.87. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.71, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (7.88) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (7.01).

**Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi**
**8.42**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.42. Indikator Pemanfaatan Digital (8.88) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.96).




# SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# PAHANG 8.19

TAHAP TINGGI

## Domain Hubungan Kekeluargaan

**8.46**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.46. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.19, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.90), Penglibatan Ibu Bapa (8.72), Daya Tahan Keluarga (8.23), Daya Tindak Keluarga (8.21), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.11) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.85).

## Domain Ekonomi Keluarga

**7.20**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 7.20 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain lain. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan (7.20) mencatatkan skor yang sedikit tinggi berbanding Indikator Pengurusan Kewangan (7.19).

## Domain Kesihatan Keluarga

**8.29**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.29. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.55) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (8.03).

## Domain Keselamatan Keluarga

**7.97**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.97. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.24) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.70).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

**8.53**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.53. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.81) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (8.24).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian

**8.31**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.31. Didapati Indikator Peranan Agama (8.48) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.15).

## Domain Perumahan dan Persekitaran

**8.23**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 8.23. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.70, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (8.02) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (7.97) tertinggi iaitu 8.70, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (8.02) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (7.97).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi

**8.55**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.55. Indikator Pemanfaatan Digital (8.73) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.37).



## SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# PULAU PINANG

# 7.84

TAHAP SEDERHANA

**Domain Hubungan Kekeluargaan**

**8.37**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.37. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.04, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.93), Penglibatan Ibu Bapa (8.74), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.07), Daya Tindak Keluarga (8.06), Daya Tahan Keluarga (7.89) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.84).

**Domain Ekonomi Keluarga**

**6.92**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.92 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain-domain lain. Didapati Indikator Pengurusan Kewangan (6.99) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.84).

**Domain Kesihatan Keluarga**

**8.07**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.07. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.67) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.48).

**Domain Keselamatan Keluarga**

**7.59**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.59. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (7.77) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.41).

**Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti**

**8.00**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.00. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.37) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.63).

**Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian**

**7.71**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 7.71. Didapati Indikator Peranan Agama (7.88) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (7.53).

**Domain Perumahan dan Persekitaran**

**7.98**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.98. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.87, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (7.61) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (7.44).

**Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi**

**8.09**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.09. Indikator Pemanfaatan Digital (8.40) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.78).



# SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# PERAK 8.23

TAHAP TINGGI

**Domain Hubungan Kekeluargaan**

**8.63**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.63. Didapati Indikator Kefungsian Keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.35, diikuti Indikator Perhubungan Rapat (8.99), Penglibatan Ibu Bapa (8.82), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.56), Daya Tahan Keluarga (8.43), Daya Tindak Keluarga (8.16) dan Imbangan Kerja - Keluarga (8.09).

**Domain Ekonomi Keluarga**

**7.53**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 7.53 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain-domain lain. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan (7.69) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengurusan Kewangan (7.37).

**Domain Kesihatan Keluarga**

**8.11**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.11. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.36) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.87).

**Domain Keselamatan Keluarga**

**8.19**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 8.19. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.57) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.81).

**Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti**

**8.42**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.42. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.68) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (8.16).

**Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian**

**8.58**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.58. Didapati Indikator Peranan Agama (8.85) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.31).

**Domain Perumahan dan Persekitaran**

**8.10**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 8.10. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.30, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (8.28) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (7.73).

**Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi**

**8.25**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.25. Didapati Indikator Pemanfaatan Digital (8.60) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.91).



# SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# PERLIS 7.95

TAHAP SEDERHANA

**Domain Hubungan Kekeluargaan**

**8.36**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.36. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.10, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.96), Penglibatan Ibu Bapa (8.65), Daya Tindak Keluarga (8.08), Daya Tahan Keluarga (8.03), Kualiti Masa Bersama Keluarga (7.98), Imbangan Kerja - Keluarga (7.70).

**Domain Ekonomi Keluarga**

**6.50**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.50 yang merupakan skor domain paling rendah berbanding domain-domain lain. Didapati Indikator Pengurusan Kewangan (6.51) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.49).

**Domain Kesihatan Keluarga**

**8.31**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.31. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.90) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.71).

**Domain Keselamatan Keluarga**

**7.80**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.80. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.05) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.54).

**Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti**

**8.25**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.25. Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.43) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (8.06).

**Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian**

**8.84**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian ialah 8.84. Didapati Indikator Peranan Agama (9.10) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.58).

**Domain Perumahan dan Persekitaran**

**7.52**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.52. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.13, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (7.86) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (6.58).

**Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi**

**8.07**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.07. Indikator Pemanfaatan Digital (8.42) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.72).




## SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# SELANGOR 7.87

TAHAP SEDERHANA

## Domain Hubungan Kekeluargaan

**8.39**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.39. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.11, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.87), Penglibatan Ibu Bapa (8.85), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.24), Imbangan Kerja - Keluarga (8.07), Daya Tindak Keluarga (7.87) dan Daya Tahan Keluarga (7.76).

## Domain Ekonomi Keluarga

**6.83**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.83. Didapati Indikator Pengurusan Kewangan (6.87) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.80).

## Domain Kesihatan Keluarga

**8.08**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.08. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.51) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.65).

## Domain Keselamatan Keluarga

**7.53**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.53. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (7.83) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.23).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

**7.90**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 7.90. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.21) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.59).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian

**8.10**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Kerohanian ialah 8.10. Didapati Indikator Peranan Agama (8.32) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (7.87).

## Domain Perumahan dan Persekitaran

**7.87**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.87. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.79, diikuti Tahap Pencemaran (7.51) dan Kebersihan Persekitaran (7.32).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi

**8.25**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.25. Indikator Pemanfaatan Digital (8.55) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.94).



# SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# TERENGGANU 7.85

TAHAP SEDERHANA

## Domain Hubungan Kekeluargaan
**8.33**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.33. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.16, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.98), Penglibatan Ibu Bapa (8.74), Daya Tindak Keluarga (8.10), Daya Tahan Keluarga (8.07), Kualiti Masa Bersama Keluarga (7.90), dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.39).

## Domain Ekonomi Keluarga
**6.92**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.92. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan (7.11) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengurusan Kewangan (6.74).

## Domain Kesihatan Keluarga
**7.90**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 7.90. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.01) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.79).

## Domain Keselamatan Keluarga
**7.63**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.63. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.18) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.08).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti
**8.14**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.14. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.46) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.82).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian
**8.64**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Kerohanian ialah 8.64. Didapati Indikator Peranan Agama (9.09) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.18).

## Domain Perumahan dan Persekitaran
**7.24**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.24. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.09, diikuti Tahap Pencemaran (7.28) dan Kebersihan Persekitaran (6.34).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi
**8.01**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.01. Indikator Pemanfaatan Digital (8.42) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.60).



## SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# SABAH 7.82

TAHAP SEDERHANA

## Domain Hubungan Kekeluargaan
**8.54**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.54. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.39, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (9.20), Penglibatan Ibu Bapa (8.89), Daya Tindak Keluarga (8.57), Daya Tahan Keluarga (8.39), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.27), dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.10).

## Domain Ekonomi Keluarga
**6.71**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.71. Didapati Indikator Pengurusan Kewangan (6.71) mencatatkan skor yang sedikit tinggi berbanding Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.70).

## Domain Kesihatan Keluarga
**8.03**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.03. Didapati Indikator Kesihatan Umum (8.04) mencatatkan skor yang sedikit tinggi berbanding Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.02).

## Domain Keselamatan Keluarga
**7.70**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.70. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.29) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.11).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti
**8.42**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.42. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.85) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.99).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian
**8.14**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Kerohanian ialah 8.14. Didapati Indikator Peranan Agama (8.76) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (7.52).

## Domain Perumahan dan Persekitaran
**6.95**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 6.95. Didapati Indikator Tahap Pencemaran mencatatkan skor tertinggi iaitu 7.42, diikuti Kawasan Perumahan (7.39) dan Kebersihan Persekitaran (6.03).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi
**8.07**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.07. Indikator Pemanfaatan Digital (8.56) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi iaitu (7.57).



SKOR IKK 2022
MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# SARAWAK 7.82

TAHAP SEDERHANA

## Domain Hubungan Kekeluargaan
**8.37**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.37. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.98, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga dan Penglibatan Ibu Bapa dengan skor 8.87, Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.23), Daya Tindak Keluarga (8.10), Daya Tahan Keluarga (8.00) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.54).

## Domain Ekonomi Keluarga
**6.80**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.80. Didapati Indikator Pengurusan Kewangan (6.97) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesejahteraan Kewangan Iaitu (6.63).

## Domain Kesihatan Keluarga
**7.86**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 7.86. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.13) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.58).

## Domain Keselamatan Keluarga
**7.62**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.62. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.00) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.23).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti
**8.22**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.22. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.67) mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.78).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian
**8.29**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Kerohanian ialah 8.29. Didapati Indikator Peranan Agama (8.51) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.06).

## Domain Perumahan dan Persekitaran
**7.25**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.25. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 7.58, diikuti Indikator Tahap Pencemaran (7.19) dan Indikator Kebersihan Persekitaran (6.98).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi
**8.19**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.19. Indikator Pemanfaatan Digital (8.50) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.88).



## SKOR IKK 2022 MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# WP KUALA LUMPUR 7.99

TAHAP SEDERHANA

## Domain Hubungan Kekeluargaan
**8.42**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.42. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.38, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (8.89), Penglibatan Ibu Bapa (8.67), Daya Tindak Keluarga (8.35), Daya Tahan Keluarga (8.18), Kualiti Masa Bersama Keluarga (7.95), dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.50).

## Domain Ekonomi Keluarga
**6.77**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.77. Didapati Indikator Pengurusan Kewangan (6.87) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.67).

## Domain Kesihatan Keluarga
**8.30**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.30. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.65) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.95).

## Domain Keselamatan Keluarga
**7.85**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.85. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.36) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.34).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti
**8.06**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.06. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.51) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.62).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian
**8.41**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Kerohanian ialah 8.41. Didapati Indikator Peranan Agama (8.69) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.14).

## Domain Perumahan dan Persekitaran
**7.89**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.89. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.02, diikuti Tahap Pencemaran (7.78) dan Kebersihan Persekitaran (6.88).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi
**8.18**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.18. Indikator Pemanfaatan Digital (8.47) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.89).



SKOR IKK 2022
MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# WP PUTRAJAYA

# 8.02

TAHAP TINGGI

## Domain Hubungan Kekeluargaan
**8.36**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.36. Didapati Indikator Kefungsian Keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.01, diikuti indikator Perhubungan Rapat (8.66), Penglibatan Ibu Bapa (8.58), Daya Tindak Keluarga (8.55), Daya Tahan Keluarga (8.32), Kualiti Masa Bersama Keluarga (7.79), dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.58).

## Domain Ekonomi Keluarga
**6.98**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.98. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan (7.05) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengurusan Kewangan (6.91).

## Domain Kesihatan Keluarga
**8.22**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.22. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.74) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (7.71).

## Domain Keselamatan Keluarga
**7.84**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 7.84. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.20) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (7.49).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti
**8.18**

Skor keseluruhan bagi Domain Keterlibatan Komuniti ialah 8.18. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.55) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (7.82).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian
**8.25**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Kerohanian ialah 8.25. Didapati Indikator Peranan Agama (8.87) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (7.63).

## Domain Perumahan dan Persekitaran
**7.90**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.90. Didapati Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.39, diikuti Tahap Pencemaran (7.74) dan Kebersihan Persekitaran (6.57).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi
**8.44**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.44. Indikator Pemanfaatan Digital (9.00) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (7.88).




SKOR IKK 2022
MENGIKUT NEGERI

SKOR IKK 2022

# WP LABUAN

# 8.19

TAHAP TINGGI

## Domain Hubungan Kekeluargaan
**8.62**

Skor keseluruhan bagi Domain Hubungan Kekeluargaan ialah 8.62. Didapati Indikator Perhubungan Rapat mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.18, diikuti Indikator Kefungsian Keluarga (9.08), Penglibatan Ibu Bapa (8.91), Daya Tindak Keluarga (8.51), Daya Tahan Keluarga (8.36), Kualiti Masa Bersama Keluarga (8.47) dan Imbangan Kerja - Keluarga (7.81).

## Domain Ekonomi Keluarga
**6.90**

Skor keseluruhan bagi Domain Ekonomi Keluarga ialah 6.90. Didapati Indikator Kesejahteraan Kewangan (6.92) mencatatkan skor yang sedikit tinggi berbanding Indikator Pengurusan Kewangan (6.89).

## Domain Kesihatan Keluarga
**8.25**

Skor keseluruhan bagi Domain Kesihatan Keluarga ialah 8.25. Didapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga (8.49) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kesihatan Umum (8.02).

## Domain Keselamatan Keluarga
**8.51**

Skor keseluruhan bagi Domain Keselamatan Keluarga ialah 8.51. Didapati Indikator Keselamatan Keluarga (8.78) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Pengetahuan Kecemasan (8.24).

## Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti
**8.53**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti ialah 8.53. Didapati Indikator Hubungan Dalam Komuniti (8.85) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kerjasama Dalam Komuniti (8.22).

## Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian
**8.54**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga, Peranan Agama dan Kerohanian ialah 8.54. Didapati Indikator Peranan Agama (8.82) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Amalan Kerohanian (8.26).

## Domain Perumahan dan Persekitaran
**7.73**

Skor keseluruhan bagi Domain Perumahan dan Persekitaran ialah 7.73. Didapati Indikator Tahap Pencemaran mencatatkan skor tertinggi iaitu iaitu 7.95, diikuti Indikator Kawasan Perumahan (7.68) dan Kebersihan Persekitaran (7.56).

## Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi
**8.45**

Skor keseluruhan bagi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi ialah 8.45. Indikator Pemanfaatan Digital (8.69) mencatatkan skor yang lebih tinggi berbanding Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi (8.22).

# TREND INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA

Secara keseluruhan, kesejahteraan keluarga di Malaysia berada pada tahap sederhana di mana IKK 2022 mencatatkan nilai skor 7.93 daripada skala maksimum 10.00. Terdapat peningkatan skor dalam IKK 2022 sebanyak 0.21 mata atau 2.7 peratus berbanding skor IKK 2019 (7.72). Didapati bahawa skor IKK 2022 semakin menghampiri tahap tinggi iaitu skor 8.00 seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Bagi IKK 2022, terdapat lima domain yang berada pada tahap tinggi dengan mencatatkan skor melebihi 8.00 iaitu Hubungan Kekeluargaan (8.44); Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.37); Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.24); Keluarga dan Teknologi Komunikasi (8.18); dan Kesihatan Keluarga (8.07). Manakala domain yang mencatatkan skor di bawah 8.00 adalah Keselamatan Keluarga (7.69); Perumahan dan Persekitaran (7.55); dan Ekonomi Keluarga (6.90). Berbanding IKK 2019, hanya tiga domain yang mencatatkan skor melebihi 8.00 iaitu Hubungan Kekeluargaan (8.35), Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.25) dan Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.00).

Terdapat enam domain IKK 2022 menunjukkan peningkatan berbanding IKK 2019 iaitu Hubungan Kekeluargaan (0.09 mata), Kesihatan Keluarga (0.63 mata), Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (0.24 mata), Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (0.12 mata), Perumahan dan Persekitaran (0.20 mata) serta Keluarga dan Teknologi Komunikasi (1.36 mata). Manakala Domain Ekonomi Keluarga dan Keselamatan Keluarga mencatatkan penurunan sebanyak 0.77 mata dan 0.17 mata pada tempoh yang sama.





# PRESTASI INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MENGIKUT DOMAIN

## DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Secara keseluruhan, prestasi Domain Hubungan Kekeluargaan IKK 2022 meningkat 1.1 peratus kepada 8.44 berbanding 8.35 pada IKK 2019. Terdapat tiga indikator dalam Domain Hubungan Kekeluargaan meningkat iaitu Indikator Perhubungan Rapat (8.0%), Kefungsian Keluarga (7.4%) dan Penglibatan Ibu Bapa (3.8%) pada tempoh sama. Manakala, Indikator Imbangan Kerja-Keluarga menurun 3.4 peratus, diikuti Daya Tahan Keluarga (2.7%), Daya Tindak Keluarga (2.5%) dan Kualiti Masa Bersama Keluarga (2.4%). Penelitian seterusnya mendapati hampir semua indikator dalam domain ini berada pada tahap tinggi dengan catatan skor melebihi 8.00 kecuali Indikator Imbangan Kerja-Keluarga yang berada pada tahap sederhana dengan catatan skor 7.56. Ini menunjukkan keluarga di Malaysia mempunyai cabaran untuk mengimbangi keperluan antara kerja dan keluarga.

| INDIKATOR | IKK 2022 | Tahap Kesejahteraan | IKK 2019 | Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| **DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN** | **8.44** | **Tinggi** | **8.35** | **1.1** |
| Penglibatan Ibu Bapa | 8.80 | Tinggi | 8.48 | 3.8 |
| Kualiti Masa Bersama Keluarga | 8.17 | Tinggi | 8.37 | -2.4 |
| Imbangan Kerja-Keluarga | 7.56 | Sederhana | 7.83 | -3.4 |
| Perhubungan Rapat | 9.18 | Tinggi | 8.50 | 8.0 |
| Kefungsian Keluarga | 9.03 | Tinggi | 8.41 | 7.4 |
| Daya Tindak Keluarga | 8.24 | Tinggi | 8.45 | -2.5 |
| Daya Tahan Keluarga | 8.14 | Tinggi | 8.37 | -2.7 |

## DOMAIN EKONOMI KELUARGA

Secara keseluruhan, prestasi Domain Ekonomi Keluarga IKK 2022 menurun sebanyak 10.0 peratus kepada 6.90 berbanding 7.67 pada IKK 2019. Kedua-dua indikator bagi domain ini iaitu Kesejahteraan Kewangan dan Pengurusan Kewangan masing-masing mencatatkan penurunan 10.2 peratus dan 9.8 peratus pada tempoh yang sama. Penelitian seterusnya mendapati kedua-dua indikator dalam domain ini berada pada tahap sederhana dengan catatan skor kurang daripada 8.00. Domain ini menunjukkan bahawa keluarga di Malaysia berhadapan dengan kesulitan hal berkaitan ekonomi keluarga khususnya pengurusan kewangan dan kesejahteraan kewangan. Oleh itu, inisiatif dan program meningkatkan ekonomi keluarga perlu diberikan perhatian oleh para pemegang taruh bagi membolehkan Domain Ekonomi Keluarga dapat mencapai tahap yang tinggi.

| INDIKATOR | IKK 2022 | Tahap Kesejahteraan | IKK 2019 | Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| **DOMAIN EKONOMI KELUARGA** | **6.90** | **Sederhana** | **7.67** | **-10.0** |
| Kesejahteraan Kewangan | 6.92 | Sederhana | 7.67 | -9.8 |
| Pengurusan Kewangan | 6.88 | Sederhana | 7.66 | -10.2 |

## DOMAIN KESIHATAN KELUARGA

Secara keseluruhan, prestasi Domain Kesihatan Keluarga IKK 2022 meningkat sebanyak 8.5 peratus kepada 8.07 berbanding 7.44 pada IKK 2019. Kedua-dua indikator bagi domain ini iaitu Amalan Kesihatan Keluarga dan Kesihatan Umum masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak 7.2 peratus dan 9.8 peratus pada tempoh yang sama. Penelitian seterusnya mendapati Indikator Amalan Kesihatan Keluarga berada pada tahap tinggi dengan catatan skor 8.33. Manakala, Indikator Kesihatan Umum berada pada tahap sederhana dengan catatan skor 7.81. Domain ini menunjukkan bahawa keluarga di Malaysia secara umumnya mempunyai tahap kesihatan yang baik. Walau bagaimanapun, program dan aktiviti kesedaran menjaga kesihatan dan menjalani gaya hidup sihat perlu dipergiatkan demi meningkatkan kesihatan kendiri dan kesejahteraan keluarga.

| INDIKATOR | IKK 2022 | Tahap Kesejahteraan | IKK 2019 | Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| **DOMAIN KESIHATAN KELUARGA** | **8.07** | **Tinggi** | **7.44** | **8.5** |
| Amalan Kesihatan Keluarga | 8.33 | Tinggi | 7.77 | 7.2 |
| Kesihatan Umum | 7.81 | Sederhana | 7.11 | 9.8 |

# DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA

Secara keseluruhan, prestasi Domain Keselamatan Keluarga IKK 2022 menurun sebanyak 2.2 peratus kepada 7.69 berbanding 7.86 pada IKK 2019. Kedua-dua indikator bagi domain ini iaitu Keselamatan Keluarga dan Pengetahuan Kecemasan masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 2.0 peratus dan 7.2 peratus pada tempoh yang sama. Penelitian seterusnya mendapati Indikator Keselamatan Keluarga berada pada tahap tinggi dengan catatan skor 8.15. Manakala, Indikator Pengetahuan Kecemasan berada pada tahap sederhana dengan catatan skor 7.22. Justeru, penganjuran program dan aktiviti mengenai kecemasan keluarga perlu diperhebatkan bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan tindakan yang perlu diambil oleh ahli keluarga apabila berhadapan situasi kecemasan.

| INDIKATOR | IKK 2022 | Tahap Kesejahteraan | IKK 2019 | Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| **DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA** | **7.69** | **Sederhana** | **7.86** | **-2.2** |
| Keselamatan Keluarga | 8.15 | Tinggi | 8.32 | -2.0 |
| Pengetahuan Kecemasan | 7.22 | Sederhana | 7.40 | -2.4 |

# DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI

Secara keseluruhan, prestasi Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti IKK 2022 meningkat sebanyak 3.0 peratus kepada 8.24 berbanding 8.00 pada IKK 2019. Kedua-dua indikator bagi domain ini iaitu Kerjasama Dalam Komuniti dan Hubungan Dalam Komuniti masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 1.9 peratus dan 4.0 peratus pada tempoh yang sama. Penelitian seterusnya mendapati Indikator Kerjasama Dalam Komuniti berada pada tahap sederhana dengan catatan skor 7.90. Manakala, Indikator Hubungan Dalam Komuniti berada pada tahap tinggi dengan catatan skor 8.58. Ini menunjukkan perlunya penganjuran dan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan program pada peringkat komuniti untuk meningkatkan lagi interaksi dan kerjasama keluarga dan penduduk dalam komuniti setempat. Kerjasama yang erat dalam komuniti membolehkan hubungan sesama ahli dalam komuniti dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat memastikan keluarga dan penduduk hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

| INDIKATOR | IKK 2022 | Tahap Kesejahteraan | IKK 2019 | Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI | 8.24 | Tinggi | 8.00 | 3.0 |
| Kerjasama Dalam Komuniti | 7.90 | Sederhana | 7.75 | 1.9 |
| Hubungan Dalam Komuniti | 8.58 | Tinggi | 8.25 | 4.0 |

# DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN

Secara keseluruhan, prestasi domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian IKK 2022 meningkat sebanyak 1.5 peratus kepada 8.37 berbanding 8.25 pada IKK 2019. Kedua-dua indikator bagi domain ini iaitu Peranan Agama dan Amalan Kerohanian masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus dan 1.3 peratus pada tempoh yang sama. Penelitian seterusnya mendapati Indikator Peranan Agama dan Amalan Kerohanian berada pada tahap tinggi dengan masing-masing mencatatkan skor 8.72 dan 8.02. Ini menunjukkan keluarga Malaysia menitikberatkan peranan agama dan amalan kerohanian untuk mencapai kesejahteraan keluarga yang baik.

| INDIKATOR | IKK 2022 | Tahap Kesejahteraan | IKK 2019 | Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN | 8.37 | Tinggi | 8.25 | 1.5 |
| Peranan Agama | 8.72 | Tinggi | 8.58 | 1.6 |
| Amalan Kerohanian | 8.02 | Tinggi | 7.92 | 1.3 |

# DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN

Secara keseluruhan, prestasi Domain Perumahan dan Persekitaran IKK 2022 meningkat sebanyak 2.7 peratus kepada 7.55 berbanding 7.35 pada IKK 2019. Didapati bahawa, Indikator Kawasan Perumahan mencatatkan peningkatan sebanyak 9.4 peratus, manakala Indikator Tahap Pencemaran pula menunjukkan penurunan sebanyak 0.9 peratus. Indikator Kebersihan Persekitaran merupakan indikator yang baharu diwujudkan dalam IKK 2022. Penelitian seterusnya mendapati hanya Indikator Kawasan Perumahan berada pada tahap tinggi dengan catatan skor 8.16, manakala Indikator Tahap Pencemaran dan Kebersihan Persekitaran berada pada tahap sederhana dengan masing-masing mencatatkan skor 7.60 dan 6.89. Ini menunjukkan keluarga Malaysia berhadapan dengan situasi pencemaran dan masalah kebersihan persekitaran di komuniti mereka. Oleh itu, strategi, insiatif dan program untuk menjaga alam sekitar dan persekitaran perlu dipertingkatkan sebagai usaha menjamin keluarga dan penduduk dapat menikmati persekitaran yang bersih dan selamat daripada pencemaran alam sekitar yang boleh mengganggu kesejahteraan keluarga khususnya dan penduduk secara amnya.

| INDIKATOR | IKK 2022 | Tahap Kesejahteraan | IKK 2019 | Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| **DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN** | **7.55** | **Sederhana** | **7.35** | **2.7** |
| Kawasan Perumahan | 8.16 | Tinggi | 7.46 | 9.4 |
| Tahap Pencemaran | 7.60 | Sederhana | 7.67 | -0.9 |
| Kebersihan Persekitaran | 6.89 | Sederhana | - | - |

# DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI

Secara keseluruhan, prestasi Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi IKK 2022 meningkat sebanyak 19.9 peratus kepada 8.18 berbanding 6.82 pada IKK 2019. Walaupun Indikator Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi menunjukkan peningkatan sebanyak 4.4 peratus, namun skor indikator ini masih berada pada tahap sederhana iaitu 7.80. Manakala, Indikator Pemanfaatan Digital telah diwujudkan dalam IKK 2022 menggantikan Indikator Pengaruh Aplikasi Komunikasi yang digunakan dalam siri sebelum ini kerana peredaran masa kini yang melihat sejauh mana keluarga perlu memanfaatkan dunia digital yang semakin berkembang. Skor domain ini menunjukkan keluarga Malaysia masih perlu dipertingkatkan ilmu mengenai pengurusan dan pengawalan akses kepada teknologi maklumat dan penggunaan gajet dalam keluarga. Tanpa ilmu pengawalan teknologi maklumat yang baik, kesejahteraan keluarga akan tergugat akibat kemunculan anasir negatif yang tidak terkawal. Para pemegang taruh yang berkaitan perlu mempergiatkan usaha melaksanakan program dan aktiviti lebih berfokus kepada celik gajet.

| INDIKATOR | IKK 2022 | Tahap Kesejahteraan | IKK 2019 | Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| **DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI** | **8.18** | **Tinggi** | **6.82** | **19.9** |
| Pemanfaatan Digital | 8.56 | Tinggi | - | - |
| Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi | 7.80 | Sederhana | 7.47 | 4.4 |

# PRESTASI INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MENGIKUT NEGERI




WP
Labuan
8.19
7.82
IKK 2022
IKK 2019
WP LABUAN
SABAH
Sabah
7.82
7.67
SARAWAK
Sarawak
7.82
7.78

# CABARAN KELUARGA

## CABARAN UTAMA YANG DIHADAPI OLEH KELUARGA

Dapatan menunjukkan pelbagai cabaran utama yang dihadapi oleh keluarga masa kini. Antara lima cabaran yang paling kritikal ialah masalah kewangan (55.5%), pengaruh luar (40.7%), masalah sosial (40.2%), kesan pandemik COVID-19 (37.6%) dan masalah kesihatan fizikal (34.8%).




## NILAI-NILAI MURNI YANG DIRASAKAN PENTING DALAM KEHIDUPAN BERKELUARGA

Lima nilai murni yang dirasakan penting dalam kehidupan berkeluarga adalah kasih sayang (75.0%), hormat-menghormati (73.0), taat kepada suruhan agama (60.6%), berakhlak/ berperibadi mulia (55.2%) dan kejujuran (53.4%).



# PEMAHAMAN TENTANG KESEJAHTERAAN KELUARGA

Kajian mendapati bahawa responden mempunyai pelbagai pemahaman tentang maksud kesejahteraan keluarga. Lima pemahaman utama oleh responden yang mampu menggambarkan maksud kesejahteraan keluarga adalah bertanggungjawab terhadap keluarga (80.0%), kasih sayang (73.1%), hubungan kekeluargaan yang erat (66.2%), percaya antara satu sama lain (61.2%) dan ekonomi yang stabil (61.1%).



# PENEMUAN PENTING

Dalam usaha memperkukuh institusi keluarga di Malaysia, LPPKN telah melaksanakan beberapa siri kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) sejak tahun 2011. Siri keempat, iaitu Kajian IKK 2022 dilaksanakan bagi mengukur, menilai dan memantau tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Operasi lapangan kutipan data IKK 2022 yang dilaksanakan pasca COVID-19 telah mengambil masa selama 5 bulan iaitu dari 20 Disember 2022 sehingga 30 Mei 2023. Sebanyak 5,236 perempuan/ibu atau lelaki/bapa yang mempunyai anak berumur 3 hingga 24 tahun terlibat dalam kajian ini.

Secara keseluruhan, skor IKK 2022 meningkat sebanyak 0.21 mata atau 2.1 peratus kepada 7.93 berbanding 7.72 pada IKK 2019. Walaupun skor IKK 2022 masih menunjukkan kesejahteraan keluarga berada pada tahap sederhana, namun skor tersebut semakin menghampiri tahap tinggi iaitu skor 8.00. Peningkatan skor IKK 2022 disumbangkan oleh lima domain yang berada pada tahap tinggi dengan mencatatkan skor melebihi 8.00 iaitu Hubungan Kekeluargaan (8.44); Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian (8.37); Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.24); Keluarga dan Teknologi Komunikasi (8.18); dan Kesihatan Keluarga (8.07). Manakala domain yang mencatatkan skor di bawah 8.00 adalah Keselamatan Keluarga (7.69); Perumahan dan Persekitaran (7.55); dan Ekonomi Keluarga (6.90).

Analisis skor IKK 2022 mengikut ciri-ciri demografi menunjukkan responden ibu mencatatkan skor 7.95 lebih tinggi sedikit berbanding bapa dengan skor 7.91. Skor mengikut tempat tinggal iaitu bandar dan luar bandar masing-masing mencatat skor 7.95 dan 7.90. Sementara itu, responden daripada isi rumah keluarga luas mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.0, diikuti isi rumah keluarga asas (7.93) dan isi rumah keluarga ibu/bapa tunggal (7.83). Manakala mengikut kumpulan etnik pula, responden Melayu mencatatkan skor tertinggi iaitu 7.97. Ini diikuti oleh etnik Cina (7.95), Bumiputera Lain (7.89) dan India (7.80). Responden dengan pendapatan isi rumah bulanan RM10,971 dan ke atas mencatat skor tertinggi iaitu 8.24. Ini diikuti oleh responden berpendapatan isi rumah bulanan antara RM4,851 hingga RM10,970 (8.06) dan responden kumpulan pendapatan RM4,850 dan ke bawah (7.87).

# CADANGAN MEMPERKUKUHKAN TAHAP KESEJAHTERAAN KELUARGA

Dapatan Kajian IKK 2022 menunjukkan trend yang positif di mana skor keseluruhan dan skor mengikut domain meningkat berbanding IKK 2019. Segala usaha dan inisiatif sedia ada yang menyumbang kepada kesejahteraan keluarga di Malaysia wajar diteruskan. Dapatan IKK 2022 telah dibincangkan melalui sesi libat urus bersama 15 buah agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri termasuklah wakil daripada daripada badan bukan kerajaan. Sesi tersebut telah berjaya menghasilkan beberapa cadangan intervensi berdasarkan domain IKK 2022 yang boleh dijadikan sebagai panduan bagi memperkukuh tahap kesejahteraan keluarga pada masa hadapan.

## DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN

- Membudayakan kesedaran dan pengetahuan tentang menjaga keseimbangan tuntutan kerjaya dan keluarga
- Memperkasakan inisiatif amalan baik mesra-keluarga di tempat kerja
- Memperluaskan khidmat sokongan keluarga yang mengalami tekanan atau krisis bagi mewujudkan keluarga yang lebih berdaya tahan
- Memperluaskan pengetahuan kemahiran keibubapaan

## DOMAIN EKONOMI KELUARGA

- Meningkatkan pendapatan sekunder keluarga dan pendapatan pasif
- Meningkatkan kesedaran mengenai pengurusan kewangan yang sejahtera
- Meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh melalui pembangunan *care industry*

## DOMAIN KESIHATAN KELUARGA

- Memperkukuh kesedaran kesihatan
- Menyuburkan gaya hidup aktif dan sihat bagi menyokong inisiatif Madani Afiat

## DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA

- Meningkatkan pengetahuan kecemasan keluarga dalam kalangan masyarakat bandar dan luar bandar
- Memperkukuhkan pemahaman mengenai keselamatan keluarga

## DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI

- Meningkatkan kecaknaan penglibatan dan kesedaran keluarga terhadap komuniti

## DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN

- Memperkasakan kerjasama strategik ke arah kesejahteraan keluarga
- Memperkasa penerapan nilai-nilai murni dan amalan kerohanian keluarga melalui perspektif agama masing-masing

## DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN

- Meningkatkan celik peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam kalangan keluarga
- Memperluaskan kempen penjagaan pencemaran alam

## DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI

- Meningkatkan literasi digital dalam kalangan ibu bapa

# RUJUKAN


Bougie, R., & Sekaran, U. (2020). *Research methods for business: a skill building approach (8th ed.).* John Wiley & Sons.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Indikator Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia 2021.*

LPPKN. (2013). *Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011.*

LPPKN. (2017). *Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016.*

LPPKN. (2020). *Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019.*

Mwangi, S. (2021). *7 types of family structure.* https://www.moms.com/family-structure-types/

Noor, N. M., Gandhi, A. D., Ishak, I., & Wok, S. (2014). Development of Indicators for Family Well-Being in Malaysia. *In Social Indicators Research* (Vol. 115, Issue 1). https://doi.org/10.1007/s11205-012-0219-1

Sahrani, M. N., Adha, N., Hamid, A., & Othman, N. (2023). Kehidupan Norma Baharu Pandemik Covid-19: Analisis Perspektif Kesihatan Dan Undang-Undang. *Asian Journal of Law and Governance,* 5(4), 14–23.

UNICEF. (2024). *Ranjau Sepanjang Jalan.* UNICEF Malaysia.

Unit Perancang Ekonomi. (2022). *Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia 2021.*

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 1 : TABURAN TEMPAT KEDIAMAN YANG TERLIBAT

| Negeri | Bil. TK Terpilih | Bil. TK Berjaya Ditemubual |
|---|---|---|
| Johor | 492 | 283 |
| Kedah | 528 | 349 |
| Kelantan | 612 | 423 |
| Melaka | 420 | 273 |
| Negeri Sembilan | 636 | 400 |
| Pahang | 564 | 444 |
| Pulau Pinang | 564 | 362 |
| Perak | 456 | 220 |
| Perlis | 528 | 334 |
| Selangor | 972 | 610 |
| Terengganu | 468 | 325 |
| Sabah | 552 | 316 |
| Sarawak | 480 | 306 |
| WP Kuala Lumpur | 504 | 184 |
| WP Labuan | 432 | 238 |
| WP Putrajaya | 252 | 169 |
| Jumlah | 8,460 | 5,236 |

## LAMPIRAN 2: SENARAI DOMAIN, INDIKATOR / ITEM IKK 2022

| DOMAIN | INDIKATOR / ITEM |
|---|---|
| **HUBUNGAN KEKELUARGAAN** | **Penglibatan Ibu Bapa**<br>• Menggalakkan anak membantu kerja-kerja rumah<br>• Mendidik anak menjadi seorang yang bertanggungjawab<br>• Memberi perhatian pada aktiviti harian yang anak lakukan<br>• Menunjukkan rasa kasih sayang kepada anak<br>• Memuji anak apabila dia berkelakuan baik<br>• Menyemak kerja rumah anak sekurang-kurangnya sekali seminggu<br>• Hadir ke aktiviti/program sekolah anak (contoh: hari sukan, hari temu waris dan lain-lain)<br>• Menggalakkan anak berkongsi masalah dengan kami<br>• Mengenali kawan-kawan anak<br><br>**Kualiti Masa Bersama Keluarga**<br>• Meluangkan masa berbual- bual dengan anak apabila mereka ingin bercakap tentang sesuatu perkara<br>• Selalu melakukan aktiviti riadah bersama anak<br>• Meluangkan masa melakukan aktiviti yang anak suka<br>• Makan bersama- sama dengan keluarga<br>• Meraikan hari istimewa (hari lahir, ulang tahun perkahwinan, sambutan perayaan) bersama keluarga<br>• Menonton televisyen/wayang bersama keluarga<br>• Sentiasa mencari masa untuk cuti bersama keluarga<br><br>**Perhubungan Rapat**<br>• Mempunyai hubungan rapat antara satu sama lain<br>• Boleh bergantung kepada ahli keluarga apabila menghadapi masalah<br>• Boleh berkongsi kerisauan dengan ahli keluarga pada bila-bila masa<br>• Berasa cukup yakin dan selamat apabila bersama keluarga<br><br>**Imbangan Kerja-Keluarga**<br>• Berpuas hati dengan keseimbangan kerja dan kehidupan keluarga<br>• Kerja dapat meningkatkan pengetahuan supaya keluarga menjadi lebih baik<br>• Kerja memberi perasaan gembira dan membantu menjadi ahli keluarga yang lebih baik |

| DOMAIN | INDIKATOR / ITEM |
|---|---|
| HUBUNGAN KEKELUARGAAN | • Kerja membawa kami kepada kejayaan dan membantu kami menjadi ahli keluarga yang lebih baik<br>• Berpeluang memilih waktu kerja anjal/ fleksibel<br>• Tekanan dari kerja tidak memberi kesan kepada keluarga<br>• Kerja lebih masa/kerja kedua tidak memberi impak kepada kualiti masa saya dengan keluarga<br>• Tidak membawa perasaan negatif dari tempat kerja ke rumah<br>• Sentiasa berbincang tentang pengaturan penjagaan anak *(childcare arrangement)*<br>• Tidak melaksanakan urusan kerja semasa bersama keluarga<br><br>**Kefungsian Keluarga**<br>• Boleh berkongsi tugas dan tanggungjawab dalam keluarga tanpa mengira jantina<br>• Anak lelaki dan anak perempuan juga diberi tanggungjawab yang sama membuat kerja rumah<br>• Boleh menerima perbezaan keperibadian ahli keluarga (contoh perbezaan personaliti, pendapat, karakter dan lain-lain)<br>• Memberi peluang kepada ahli keluarga untuk menjelaskan sesuatu keadaan<br>• Sentiasa berbincang dengan ahli keluarga dalam membuat sesuatu keputusan berkaitan dengan keluarga<br>• Mempunyai persekitaran keluarga yang bersifat memupuk dan membina ikatan kekeluargaan<br><br>**Daya Tindak Keluarga**<br>**(Semasa berhadapan dengan masalah atau krisis)**<br>• Berkongsi masalah dengan ahli keluarga<br>• Ahli keluarga saling memberi sokongan dalam masa kesulitan<br>• Cuba mencari jalan penyelesaian segera apabila berhadapan dengan masalah<br>• Tetap bersatu tidak kira betapa susahnya keadaan<br>• Boleh menghadapi kesukaran dan mencapai satu penyelesaian bersama<br>• Boleh menyesuaikan diri apabila terdapat krisis dalam kalangan ahli keluarga<br>• Tabah dalam menghadapi kesusahan |

| DOMAIN | INDIKATOR / ITEM |
| --- | --- |
| | **Daya Tahan Keluarga (Selepas masalah atau krisis telah berlaku)**<br>• Sekeluarga cuba memahami semula apa yang berlaku<br>• Tiada masalah untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran kehidupan seharian<br>• Tidak menuding jari atas kesalahan ahli keluarga<br>• Akan berbincang tentang cara untuk mengelak situasi yang sama berlaku lagi<br>• Mengambil iktibar dari apa yang telah berlaku<br>• Berkongsi perasaan tentang masalah dihadapi bersama ahli keluarga |
| **EKONOMI KELUARGA** | **Kesejahteraan Kewangan**<br>• Keluarga tidak terbeban dengan hutang<br>• Keadaan kewangan semasa keluarga adalah stabil<br>• Keluarga dapat menyelesaikan bil-bil (contoh: bil elektrik, bil air, hutang kad kredit dan lain-lain) setiap bulan<br>• Mempunyai wang simpanan yang boleh digunakan sekiranya berlaku kecemasan<br>• Taraf hidup keluarga adalah baik<br><br>**Pengurusan Kewangan**<br>• Keluarga menabung untuk masa hadapan<br>• Mempunyai perlindungan insurans yang mencukupi untuk keluarga kami<br>• Mempunyai skim pelaburan (contoh: ASB, Unit Amanah dan lain-lain) untuk masa hadapan |
| **KESIHATAN KELUARGA** | **Amalan Kesihatan Keluarga**<br>• Hidangan harian adalah seimbang (mengandungi produk tenusu, sayur-sayuran, buah-buahan, bijirin dan protein)<br>• Beriadah/bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu<br>• Rumah kami ada menyimpan ubat-ubatan asas sekiranya ahli keluarga jatuh sakit (contoh: ubat demam, ubat batuk, ubat selesema dan lain-lain)<br>• Menjalankan pemeriksaan kesihatan sekurang - kurangnya sekali setahun<br><br>**Kesihatan Umum**<br>• Tahap kesihatan umum keluarga<br>• Tahap kesihatan fizikal keluarga<br>• Tahap kesihatan mental keluarga<br>• Tahap kesihatan sosial keluarga |

| DOMAIN | INDIKATOR / ITEM |
|---|---|
| **KESELAMATAN KELUARGA** | **Keselamatan Keluarga**<br>• Peka dengan isu keselamatan keluarga (contoh: penderaan, penculikan, ragut, pecah rumah dan lain-lain)<br>• Sentiasa berjaga-jaga dan mengambil langkah-langkah keselamatan (contoh: rondaan komuniti setempat, memasang lampu, memasang kunci, CCTV dan lain-lain)<br>• Rasa selamat dalam rumah<br>• Memastikan item berbahaya (contoh: ubat-ubatan, item beracun, peralatan elektrik dan lain-lain) tidak mudah dicapai oleh anak-anak<br>• Mendidik anak-anak tentang isu-isu keselamatan keluarga (contoh: penculikan, pecah rumah, keselamatan jalan raya dan lain-lain)<br>**Pengetahuan Kecemasan**<br>• Tahu menggunakan alat pemadam api<br>• Mempunyai alat perubatan kecemasan di rumah (contoh: ubat luka, antiseptik, kain pembalut, plaster, kapas dan lain-lain)<br>• Mempunyai pelan menyelamatkan diri sekiranya berlaku kecemasan<br>• Mengetahui nombor telefon kecemasan untuk dihubungi<br>• Mempunyai pengetahuan asas pertolongan cemas |
| **KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI** | **Kerjasama Dalam Komuniti**<br>• Mengetahui siapa yang perlu dihubungi apabila memerlukan pertolongan dalam kawasan kejiranan<br>• Memberi sumbangan bagi membantu komuniti (contoh: sumbangan kewangan, sumbangan tenaga, sumbangan idea dan lain-lain)<br>• Mengambil bahagian dalam aktiviti kejiranan (contoh: gotong royong, perbincangan dan lain-lain)<br>• Berkongsi maklumat atau memberi maklum balas dalam komuniti (contoh: papan buletin, kumpulan *WhatsApp* dan lain-lain)<br>**Hubungan Dalam Komuniti**<br>• Mempunyai hubungan yang baik dengan jiran tetangga<br>• Menyayangi komuniti<br>• Selalu bertegur sapa dengan jiran<br>• Menjemput jiran-jiran ke rumah pada hari-hari perayaan atau majlis tertentu (contoh: kenduri kahwin, sambutan hari lahir dan lain-lain)<br>• Boleh bergantung pada jiran-jiran untuk menjaga rumah kami apabila kami tiada di rumah |

| DOMAIN | INDIKATOR / ITEM |
|---|---|
| **KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN** | **Peranan Agama**<br>• Kepercayaan kepada agama mempengaruhi cara kehidupan<br>• Kepercayaan kepada agama membentuk prinsip moral<br>• Agama memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian<br>• Anak-anak membesar dengan pegangan agama<br>• Anak-anak membesar dengan amalan agama<br>**Amalan Kerohanian**<br>• Melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan/kerohanian (contoh: zikir, mantra, mengaji, puasa dan lain-lain)<br>• Mengamalkan ajaran agama (contoh: berbuat baik kepada orang lain dan lain-lain) berdasarkan buku/ kitab keagamaan/kerohanian<br>• Berbual tentang topik keagamaan/kerohanian antara ahli keluarga<br>• Hadir ke aktiviti keagamaan di tempat ibadat.<br>• Mengikuti aktiviti keagamaan secara dalam talian (contoh: mendengar ceramah di *YouTube*, membaca ilmu agama di laman web) |
| **PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN** | **Kawasan Perumahan**<br>• Mudah mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan tempat tinggal kami<br>• Kemudahan asas (contoh: bekalan air dan elektrik) dalam kawasan perumahan adalah memuaskan<br>• Kemudahan bantuan kemasyarakatan (Contoh: RELA, Polis Bantuan dan lain-lain) mudah didapati<br>• Prasarana (contoh: pejabat pos, kedai runcit, padang permainan, pili bomba dan lain-lain) mencukupi di kawasan tempat tinggal<br>• Mempunyai akses kepada kemudahan 3R *(Reduce, Reuse, Recycle)* di kawasan tempat tinggal.<br>• Capaian internet dalam kawasan tempat tinggal kami adalah memuaskan<br>**Kebersihan Persekitaran**<br>• Tidak mencetak resit (penyata bank, bil dan lain-lain) untuk mengurangkan penggunaan kertas.<br>• Mengasingkan sampah (boleh dikitar semula dan tidak boleh dikitar semula) di rumah<br>• Menggunakan beg guna semula untuk elak guna beg plastik<br>• Menghasilkan bahan baharu daripada bahan kitar semula (contoh: baja kompos, bahan hiasan dan lain-lain) |

| DOMAIN | INDIKATOR / ITEM |
|---|---|
| | • Menjual semula bahan yang tidak digunakan bagi menambah pendapatan<br>• Meneruskan amalan sanitasi walaupun pandemik telah berakhir<br>• Menasihatkan ahli keluarga untuk menjaga kebersihan tandas awam |
| **PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN** | **Tahap Pencemaran**<br>• Tahap pencemaran di kawasan tempat tinggal adalah rendah<br>• Sampah sarap di kawasan rumah diselenggara dengan baik<br>• Sistem perparitan di kawasan diselenggara dengan baik<br>• Kawasan tempat tinggal tidak terdedah kepada kebisingan |
| **KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI** | **Pemanfaatan Digital**<br>• Hubungan sesama ahli keluarga kami semakin erat dengan menggunakan alat telekomunikasi<br>• Mempunyai lebih banyak topik perbualan disebabkan perkongsian berita melalui aplikasi komunikasi<br>• Internet menjadi aktiviti hiburan bersama-sama keluarga kami<br>• Aplikasi perbankan dalam talian memudahkan pengurusan kewangan keluarga<br>• Aplikasi e-kesihatan memudahkan urusan kesihatan keluarga<br>• Internet menambah maklumat tentang kesihatan kepada ahli keluarga<br>• Kami banyak belajar dari Internet (contoh: *YouTube, Facebook, Google)*<br>• Pembelajaran dalam talian meningkatkan penguasaan akademik anak-anak<br><br>**Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi**<br>• Menjadi kawan media sosial (contoh: *Facebook*, *Twitter*, *Instagram)* anak bagi mengawal mereka<br>• Mempunyai peraturan keluarga yang khusus berkaitan penggunaan teknologi komunikasi<br>• Sentiasa mengawal/memantau laman-laman sesawang yang diakses/dilawati oleh anak<br>• Mendidik anak-anak tentang risiko dan bahaya Internet<br>• Mendidik anak supaya tahu melindungi diri sendiri apabila menggunakan Internet (contoh: tidak kongsi maklumat peribadi dengan orang luar, penggunaan kata kunci dan lain-lain) |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LPPKN

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

www.lppkn.gov.my

lppkn

ISBN 978-967-25501-7-4